OKTOBER 2021

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH
HILIR PERAK 2035
(PENGGANTIAN)

Majlis Perbandaran Teluk Intan

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PLANMalaysia@Perak
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN)

JILID 3 : PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Mengandungi cadangan pengurusan, pelaksanaan dan mekanisme pemantauan projek serta Sistem Maklumat Geografi yang disediakan mengikut peruntukan Sub Seksyen 12(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

IZM CONSULT

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1 : PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN MEKANISME PEMANTAUAN

1.1	Pengenalan		1-2
1.2	Penemuan Utama Sektor Pengurusan, Pelaksanaan dan Pemantauan		1-3
	1.2.1	Projek Cadangan Rancangan Tempatan Terdahulu Kurang Berdaya Laksana Selaras Peredaran Masa	1-3
	1.2.2	Kelulusan Peruntukan Bagi Pelaksanaan Projek	1-3
	1.2.3	Kedudukan Prestasi Kewangan Agensi Kurang Memberangsangkan	1-3
	1.2.4	Keperluan Pengukuhan Organisasi	1-4
	1.2.5	Kapasiti Keupayaan Jentera Pentadbiran Sedia Ada	1-4
	1.2.6	Ketidakseragaman Pengurusan Pentadbiran Kampung Orang Asli	1-5
1.3	Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan		1-6
	1.3.1	Penubuhan Jawatankuasa Khas Sebagai Penyelaras dan Pemantau Pelaksanaan Rancangan Tempatan	1-6
	1.3.2	PLANMalaysia@Perak Sebagai Penyelaras	1-6
	1.3.3	Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan	1-7
	1.3.4	MPTI Sebagai Agensi Pelaksana Utama	1-7
1.4	Cadangan Pelaksanaan dan Pemantauan		1-8
	1.4.1	Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan Projek Secara Kolaboratif Dengan Agensi Pelaksana	1-8

1.4.2	Menggalakkan Penglibatan dan Pelaburan Pihak Swasta Dalam Pembangunan Daerah Hilir Perak	1-10
1.4.3	Pengenalpastian Sumber Kewangan Baharu	1-15
1.4.4	Pengukuhan dan Penambahbaikan Organisasi MPTI	1-17
1.4.5	Cadangan Penubuhan PBT Berasingan Bagi Daerah Bagan Datuk	1-18
1.4.6	Cadangan Penyelarasan Pentadbiran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	1-19
1.5	Rumusan Cadangan Projek dan Program RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-20
1.6	Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Projek dan Program Pembangunan	1-29
1.6.1	Cadangan Kaedah Pelaksanaan Melalui *Public-Private Partnership* (PPP)	1-29
1.6.2	Agensi Pelaksana dan Penglibatan Dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-32
1.6.3	Indikator dan Sasaran Pencapaian Projek dan Program Pembangunan	1-40
1.7	Hasil Pendapatan Kepada PBT	1-51
1.7.1	Caj Pemajuan	1-51
1.7.2	Cukai Taksiran	1-53

BAB 2 : SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

2.1	Pengenalan	2-2
2.2	Objektif	2-3
2.3	Kepentingan Pembangunan GIS	2-4
2.4	Kaedah Pelaksanaan Kerja	2-5
	2.4.1 Penetapan Kawasan Kajian	2-6
	2.4.2 Pengumpulan Data	2-7
2.5	Pembentukkan Pangkalan Data GIS	2-8
	2.5.1 Pembangunan Pangkalan Data	2-8
	2.5.2 Melaksanakan Pendigitalan dan Kemasukan Data	2-10
	2.5.3 Melaksanakan Penyeragaman Data	2-10
2.6	Kaedah Analisis	2-11
	2.6.1 Analisis Ketinggian	2-12
	2.6.2 Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan	2-13
	2.6.3 Analisis Tampungan Radius Kemudahan Masyarakat	2-16
	2.6.4 Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar	2-20
2.7	Metadata RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	2-23

SENARAI JADUAL

BAB 1 : PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN MEKANISME PEMANTAUAN

Jadual 1.1	Agihan Waran Perjawatan di MPTI Mengikut Klasifikasi Bidang Perkhidmatan	1-4
Jadual 1.2	Keahlian Mesyuarat Penuh / Mesyuarat JK Khas RT	1-9
Jadual 1.3	Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia	1-12
Jadual 1.4	Bilangan Cadangan Projek / Program dan Kos Projek Dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-21
Jadual 1.5	Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-22
Jadual 1.6	Cadangan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) Melalui *Public-Private Partnership* (PPP)	1-29
Jadual 1.7	Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-32
Jadual 1.8	Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-40
Jadual 1.9	Pengiraan Kadar Caj Pemajuan Bagi RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	1-51
Jadual 1.10	Anggaran Jumlah Caj Pemajuan Yang Akan Diperoleh Dengan Perubahan Penggunaan Tanah	1-52
Jadual 1.11	Anggaran Keluasan Kawasan Dibina (Kaki Persegi)	1-53

Jadual 1.12	Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 1 (Tahun 2022 - 2025)	1-54
Jadual 1.13	Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 2 (Tahun 2026 - 2030)	1-54
Jadual 1.14	Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 3 (Tahun 2031 - 2035)	1-55

BAB 2 : SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

Jadual 2.1	Jenis dan Format Data Dalam Pengumpulan Data	2-7

SENARAI RAJAH

BAB 1 : PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN MEKANISME PEMANTAUAN

Rajah 1.1	Platform Pemantauan Kemajuan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan	1-8

BAB 2 : SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

Rajah 2.1	Proses Perlaksanaan Peringkat Draf RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	2-5
Rajah 2.2	Pembahagian Blok Perancangan (BP) dan Blok Perancangan Kecil (BPK)	2-6
Rajah 2.3	Model pangkalan data Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	2-9
Rajah 2.4	Aliran Kerja-Kerja Transformasi Unjuran ke GDM2000 State Cassini Perak	2-10
Rajah 2.5	Model Analisis Ketinggian Daerah Hilir Perak	2-12
Rajah 2.6	Pelan Analisis Ketinggian Daerah Hilir Perak	2-12
Rajah 2.7	Model Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan	2-14
Rajah 2.8	Pelan Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan	2-15
Rajah 2.9	Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Pendidikan	2-16
Rajah 2.10	Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Kesihatan	2-16
Rajah 2.11	Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Keselamatan	2-17
Rajah 2.12	Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Awam	2-17
Rajah 2.13	Radius Tampungan Kemudahan Pendidikan	2-18

Rajah 2.14	Radius Tampungan Kemudahan Kesihatan	2-18
Rajah 2.15	Radius Tampungan Kemudahan Keselamatan	2-19
Rajah 2.16	Radius Tampungan Lain-Lain Kemudahan Awam	2-19
Rajah 2.17	Model Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	2-21
Rajah 2.18	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Daerah Hilir Perak	2-22



PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN MEKANISME PEMANTAUAN

Mengandungi cadangan pengurusan, pelaksanaan dan mekanisme pemantauan projek serta program yang disediakan bagi memudahkan perancangan daerah Hilir Perak sehingga tahun 2035

1.1 PENGENALAN

Rancangan Tempatan (RT) Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) merupakan satu rancangan pemajuan menyeluruh yang menjadi asas kepada agensi pelaksana terlibat terutama pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) dalam membangunkan daerah Hilir Perak. Daerah Hilir Perak meliputi lima mukim iaitu Durian Sebatang, Changkat Jong, Sungai Manik, Labu Kubong dan Sungai Durian. RT ini mengandungi cadangan projek atau program bagi tujuan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat, ekonomi, sosial dan persekitaran fizikal daerah Hilir Perak. Cadangan projek dan program yang dibuat memerlukan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang strategik bagi memastikan cadangan ini dapat direalisasikan.

RT merupakan instrumen yang penting dan menjadi rujukan serta panduan pelbagai pihak agensi pelaksana di peringkat daerah, negeri dan persekutuan dalam usaha untuk membangunkan daerah Hilir Perak 2035 sebagai pusat agromakanan dan industri pertanian berteknologi tinggi negeri Perak.

1.2 PENEMUAN UTAMA SEKTOR PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

1.2.1 PROJEK CADANGAN RANCANGAN TEMPATAN TERDAHULU KURANG BERDAYA LAKSANA SELARAS PEREDARAN MASA

Berdasarkan Laporan Penilaian Outcome RT Daerah Hilir Perak 2020, didapati hanya 13.93% projek cadangan RT Daerah Hilir Perak 2020 telah dilaksanakan, manakala 15.36% projek sedang dilaksanakan. Pencapaian ini adalah agak rendah berbanding sasaran asal iaitu pelaksanaan projek cadangan RT sekurang-kurangnya 50% menjelang tahun 2020. Semakan yang dibuat dengan agensi pelaksana mendapati pencapaian yang rendah ini adalah disebabkan oleh cadangan projek yang dibuat ketika itu kebanyakannya tidak lagi berdaya laksana selaras peredaran masa. Selain itu, turut didapati terdapat cadangan-cadangan yang dibuat tidak sesuai untuk dilaksanakan kerana melibatkan kos yang besar ke atas manfaat atau kepentingan berskala kecil.

1.2.2 KELULUSAN PERUNTUKAN BAGI PELAKSANAAN PROJEK

Laporan Penilaian Outcome RT Daerah Hilir Perak 2020 menunjukkan bahawa terdapat projek-projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan peruntukan kewangan. Selain itu, pelaksanaan projek oleh agensi pelaksana yang berkaitan turut bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

1.2.3 KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI KURANG MEMBERANGSANGKAN

Laporan Kewangan Tahunan MPTI dari tahun 2015-2019 menunjukkan MPTI mengalami defisit kewangan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2018 sahaja. Berdasarkan maklumat ini dapat dirumuskan kedudukan kewangan MPTI tidak begitu memberangsangkan dan merupakan antara faktor yang menyebabkan pelaksanaan projek yang dapat diusahakan adalah terhad. Situasi ini juga memerlukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan langkah-langkah penjimatan di samping mengenal pasti sumber-sumber kewangan baharu bagi memperkukuh kedudukan kewangan MPTI pada masa hadapan.

1.2.4 KEPERLUAN PENGUKUHAN ORGANISASI

Berdasarkan analisis maklumat perjawatan di MPTI sehingga Ogos 2020, kebanyakan jabatan dan unit dalaman terutama bahagian teknologi maklumat dan bahagian teknikal mempunyai bilangan perjawatan yang sangat kecil sedangkan PBT ini bertaraf perbandaran dan perkhidmatannya pula meliputi dua daerah. Selain itu, terdapat bahagian-bahagian dalaman di dalam carta organisasi MPTI yang digabungkan di bawah satu jabatan dan bahagian tersebut ditadbir oleh kumpulan pelaksana. Perkara ini memberi tekanan kepada prestasi penyampaian perkhidmatan pada masa hadapan. Ketua jabatan atau bahagian yang khusus dari kumpulan pengurusan dan profesional perlu diwujudkan agar dapat memperkukuhkan pelaksanaan fungsi dan peranan jabatan atau bahagian tersebut. Seterusnya, aspek latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada dalam melaksanakan perkhidmatan PBT perlu diberi perhatian agar kemahiran tenaga kerja dapat ditambah baik dari semasa ke semasa.

Jadual 1.1: Agihan Waran Perjawatan di MPTI Mengikut Klasifikasi Bidang Perkhidmatan

Klasifikasi Bidang Perkhidmatan	Gred	Bilangan	%
Pentadbiran	N	73	22.25
Perundangan dan Kehakiman	L	2	0.61
Teknologi Maklumat	F, FA	2	0.61
Kewangan	W, WA	18	5.49
Kejuruteraan	J, JA	15	4.57
Keselamatan dan Pertahanan Awam	KP	29	8.84
Perubatan dan Kesihatan	U	7	2.13
Kemahiran / Sokongan / Am	H, R	182	55.49
Jumlah	**-**	**328**	**100.00**

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

1.2.5 KAPASITI KEUPAYAAN JENTERA PENTADBIRAN SEDIA ADA

Pada ketika ini, MPTI bertanggungjawab untuk mentadbir dua daerah (daerah Hilir Perak dan daerah Bagan Datuk) dan keadaan ini didapati agak membebankan terutama dengan jumlah tenaga kerja yang terhad untuk melaksanakan pelbagai tanggungjawab dan peranan sebagai sebuah PBT bagi dua daerah. Justeru, cadangan PBT berasingan bagi daerah Bagan Datuk perlu diberikan pertimbangan sewajarnya bagi menyeimbangkan kapasiti dan keupayaan pentadbiran MPTI dengan kawasan yang perlu ditadbir urus dan diberikan perkhidmatan.

1.2.6 KETIDAKSERAGAMAN PENGURUSAN PENTADBIRAN KAMPUNG ORANG ASLI

Bidang kuasa urus tadbir petempatan Orang Asli dalam daerah Hilir Perak didapati adalah kurang seragam, di mana Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Hilir Perak bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal Kampung Sungai Pelawan, Kampung Redang Punggor, Kampung Pengkalan Daun dan Kampung Sungai Rambai, manakala Kampung Sungai Chawang pula diletakkan di bawah bidang kuasa JAKOA Daerah Batang Padang sedangkan ia secara asasnya terletak dalam daerah Hilir Perak.

Penyelarasan kawasan pentadbiran antara JAKOA Daerah Hilir Perak dan JAKOA Daerah Batang Padang adalah amat penting supaya jurang pembangunan di kesemua kampung Orang Asli dalam daerah Hilir Perak dapat diminimumkan. Ketika ini, pembangunan di Kampung Sungai Chawang di bawah pentadbiran JAKOA Daerah Batang Padang dilihat sedikit ketinggalan berbanding kampung-kampung Orang Asli dalam daerah Hilir Perak yang lain.

Penduduk di Kampung Sungai Chawang juga masih dibelenggu dengan isu ketiadaan jalan masuk berturap, bekalan air terawat, perpustakaan, kemudahan rekreasi, pusat komuniti dan pusat kebajikan, kedudukan sekolah menengah, pusat kesihatan dan balai keselamatan yang jauh dari kampung serta liputan telekomunikasi, pengurusan sisa pepejal, pengurusan sistem pembetungan serta khidmat pengangkutan awam yang tidak memuaskan.

1.3 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN

1.3.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS SEBAGAI PENYELARAS DAN PEMANTAU PELAKSANAAN RANCANGAN TEMPATAN

Bagi mewujudkan suatu mekanisme pemantauan dan penilaian yang efisien dan bersistematik, adalah menjadi satu keperluan bagi menubuhkan Jawatankuasa Khas berperanan menyelaras dan memantau pelaksanaan cadangan dan projek pembangunan yang telah ditetapkan di dalam RT. Selain itu, jawatankuasa ini juga dapat meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dengan pembangunan daerah Hilir Perak menjelang tahun 2035 mengikut bidang tugas masing-masing.

PERINGKAT NEGERI	PERINGKAT DAERAH	PERINGKAT PBT
JAWATANKUASA PEMANTAUAN RANCANGAN PEMAJUAN (JPRP)	JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN DAERAH HILIR PERAK (JTPD)	MAJLIS PENUH / JAWATANKUASA RT DAN RKK


1.3.2 PLANMalaysia@Perak SEBAGAI PENYELARAS

PLANMalaysia@Perak memainkan peranan penting dalam mengetuai penyelarasan rancangan spatial negeri dan seterusnya memastikan pelaksanaan perancangan pembangunan daerah selaras dengan RT. Pihak Berkuasa Negeri (PBN), PBT, jabatan dan agensi teknikal serta agensi pelaksana lain turut memainkan peranan di dalam memastikan pelaksanaan pembangunan berjalan dengan lancar. PLANMalaysia@Perak juga akan bertindak untuk melaporkan status pemantauan pelaksanaan RT kepada Kerajaan Negeri sekiranya terdapat percanggahan pembangunan merujuk kepada dasar-dasar yang berkuatkuasa sejurus RT diluluskan dan seterusnya diwartakan oleh PBN.

1.3.3 LAPORAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN OUTCOME RANCANGAN PEMAJUAN

Berdasarkan Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan 2013, PLANMalaysia@Negeri dengan kerjasama PLANMalaysia@Ibu Pejabat perlu menyediakan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (LPPORP) dalam tempoh dua tahun sekali setelah 24 bulan dari tarikh sesebuah rancangan pemajuan diwartakan. Laporan ini perlu disediakan sebagai asas kepada PBN dan PBT dalam mengendali dan melaksana aktiviti pemantauan dan penilaian outcome rancangan pemajuan.

Terdapat dua jenis laporan PPORP di peringkat tempatan iaitu:



1.3.4 MPTI SEBAGAI AGENSI PELAKSANA UTAMA

MPTI sebagai PBT bagi daerah Hilir Perak memainkan peranan penting sebagai agensi pelaksana utama projek-projek cadangan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) ini. MPTI bertanggungjawab memastikan setiap pembangunan yang berlaku dalam daerah ini adalah selari dengan RT Daerah Hilir Perak 2035 serta cadangan program dan projek pembangunan yang dicadangkan dapat dilaksanakan dalam tempoh fasa yang ditetapkan. Justeru, MPTI perlulah memainkan peranan dengan giat menyelaras pelaksanaan pembangunan bersama-sama dengan agensi pelaksana yang lain.


1.4 CADANGAN PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

1.4.1 PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROJEK SECARA KOLABORATIF DENGAN AGENSI PELAKSANA

Bagi memastikan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) dapat dilaksanakan dengan baik, perancangan terperinci bagi pelaksanaan program dan projek yang telah dicadangkan perlu dilaksana secara kolaboratif dengan agensi pelaksana yang berkaitan. Perancangan dan pelaksanaan secara bersama ini dapat mengukuhkan lagi tahap daya laksana sesebuah projek melalui penyeragaman dengan rancangan di peringkat agensi pelaksana. Ini kerana setiap agensi pelaksana mempunyai kepakaran yang lebih mendalam mengenai sesuatu subjek serta bidang tugas masing-masing. Ini akan memudahkan agensi pelaksana dari segi proses permohonan bajet dan peruntukan sekiranya senarai projek yang disenaraikan di dalam RT adalah seiring dengan rancangan di peringkat agensi pelaksana.

Pelaksanaan cadangan RT juga memerlukan mekanisme pemantauan yang berkesan. Bagi tujuan tersebut, pemantauan kemajuan pelaksanaan projek dan program pembangunan dicadangkan dilaksanakan melalui platform seperti **Rajah 1.1**. Platform ini berperanan menilai kemajuan pelaksanaan projek, membincangkan isu-isu seperti kaedah bersesuaian bagi pelaksanaan projek, sumber kewangan yang boleh digunakan, tempoh pelaksanaan projek dan sebagainya. Koordinasi yang utuh akan memudahkan pelaksanaan projek.

Rajah 1.1: Platform Pemantauan Kemajuan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan



Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP)

Sebagaimana dicadangkan dalam RS Negeri Perak 2040, JPRP perlu ditubuhkan di peringkat negeri untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, program, projek dan unjuran yang dicadangkan dalam semua rancangan pemajuan. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik oleh JPN dan dipengerusikan oleh sama ada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau Exco atau individu lain yang berkelayakan dan dipersetujui oleh PBN.

Pembentukan jawatankuasa khas ini penting bagi meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan daerah Hilir Perak serta memastikan pelaksanaan projek dan program pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) dapat dipantau secara berkala. Penyelarasan antara setiap jabatan dan agensi teknikal adalah penting memandangkan setiap jabatan dan agensi teknikal mempunyai bidang kuasa serta peranan masing-masing.

Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD)

JTPD merupakan suatu platform yang sesuai bagi membincangkan status pelaksanaan program dan projek pembangunan yang telah dirancang dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) serta pembangunan-pembangunan lain di peringkat daerah. Projek cadangan dalam RT Hilir Perak 2035 (Penggantian) perlu dipantau secara berkala bagi memantau tahap pelaksanaannya serta mengenalpasti masalah yang mungkin timbul berhubung pelaksanaan projek. Mesyuarat JTPD Hilir Perak dicadangkan untuk dijalankan 1 kali setiap bulan bagi memantau perkara tersebut.

Majlis Penuh / Jawatankuasa Khas RT dan RKK Peringkat PBT

Platform Majlis Penuh atau Mesyuarat Jawatankuasa merupakan mesyuarat di peringkat PBT yang lazimnya diadakan setiap bulan atau minimum 4 kali setahun / 1 kali setiap 3 bulan sebagaimana dinyatakan dalam “Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (PPORP) 2013”. Keahliannya adalah seperti berikut:

Jadual 1.2: Keahlian Mesyuarat Penuh / Mesyuarat JK Khas RT

Pengerusi	Yang DiPertua MPTI
Setiausaha	Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPTI
Ahli	• Setiausaha MPTI • Ahli-ahli Majlis • Ketua-ketua jabatan MPTI dan Ketua jabatan teknikal negeri dan daerah (yang berkaitan)

1.4.2 MENGGALAKKAN PENGLIBATAN DAN PELABURAN PIHAK SWASTA DALAM PEMBANGUNAN DAERAH HILIR PERAK

Usaha membangunkan daerah Hilir Perak turut memerlukan kerjasama serta penglibatan sektor swasta selain bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan proses pembangunan berjalan dengan lancar sebagaimana dirancang.

Sebahagian besar daripada projek yang telah dirancang dalam RT ini memerlukan penglibatan serta mekanisme pelaburan daripada pihak swasta. Kerjasama antara agensi kerajaan dengan pihak swasta akan mewujudkan satu gabungan pelbagai perkhidmatan yang lebih profesional dalam mencapai pelaksanaan RT yang lebih berjaya dan efektif. Semua agensi kerajaan yang terlibat terutama MPTI perlu mengambil inisiatif dengan memberikan insentif-insentif menarik bagi menarik minat pihak swasta untuk membuat pelaburan di daerah Hilir Perak. Antara bentuk usahasama yang boleh dilaksanakan adalah:



01 **Kerjasama Awam Swasta (Public-Private Partnership)**

Kerjasama awam swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) merupakan satu bentuk kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta iaitu '*stand-alone business'*. Ia diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pembinaan pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. **Jadual 1.3** memperincikan kerjasama PPP yang dipraktikkan di Malaysia. Berdasarkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), sektor utama yang diberi perhatian adalah kesihatan, pendidikan, infrastruktur dan teknologi hijau.

Melalui kerjasama ini, kos pembangunan boleh diminimakan dan membantu pihak MPTI untuk mengukuhkan struktur kewangannya. Pelaksanaan projek usahasama akan membantu dalam meningkatkan lagi kualiti dan daya pengeluaran berdasarkan kepada kepakaran yang dimiliki oleh pihak swasta tersebut.

Antara insentif yang boleh diberikan bagi menarik minat pihak swasta dalam kerjasama ini adalah seperti mengurangkan caj pembangunan serta mempercepatkan proses kelulusan yang berkaitan dengan pembangunan seperti kebenaran merancang, pelan bangunan, tukar syarat tanah dan sebagainya. Pendekatan ini adalah selari dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan yang telah menyediakan Dana Mudah Cara sebagai insentif ke atas pelaburan yang telah dibuat oleh sektor swasta melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan. Tertakluk kepada dasar dan keputusan kerajaan dari semasa ke semasa, secara umumnya bantuan Dana Mudah Cara ini diberi dalam bentuk geran.

MPTI perlu membentuk rangka kerja untuk projek-projek usahasama dengan pihak swasta sebelum menjalankan sebarang projek usahasama bagi memastikan kelancaran projek-projek tersebut serta mengelakkan berlakunya penyelewengan atau tindakan yang tidak jelas. Selain itu, sektor swasta boleh diberi panduan dan galakan pembangunan kawasan yang telah dikenal pasti potensi pembangunannya dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) bagi memudahkan pelabur memahami dan membuat keputusan berkaitan pelaburan.

02 Pembangunan Tanah Bersepakat

Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) atau *land readjustment* (juga dikenali di negara lain dengan nama *land consolidation* atau *land pooling*) merupakan satu kaedah pembangunan tanah di mana sekumpulan lot tanah yang telah dibangunkan secara tidak terancang dan tertinggal dari arus pembangunan, disusun semula dengan penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi, melalui kerjasama dan persetujuan pemilik-pemilik tanah. Beberapa kebaikan PTB adalah:

- ✓ Meningkatkan nilai tanah.
- ✓ Pegangan hak milik terjamin.
- ✓ Masalah pemaju melanggar syarat perjanjian dan masalah kewangan dapat dielakkan.
- ✓ Penyelesaian secara langsung isu pemilikan.
- ✓ Penyelesaian harta pusaka.
- ✓ Mengelakkan pengambilan balik tanah.
- ✓ Peningkatan kutipan cukai hasil peningkatan nilai hartanah.

Jadual 1.3: Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

Jenis PPP	Contoh Projek	Kaedah PPP	
		Penswastaan	Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Bina - Kendali - Pindah [*Build - Operate - Transfer* (BOT)]			
1. Penswastaan projek yang kebiasaannya dilaksanakan oleh sektor awam seperti projek infrastruktur dan kemudahan awam. 2. Melibatkan pembinaan sesuatu kemudahan awam oleh pihak swasta dengan pembiayaan sendiri. 3. Syarikat akan mengendalikan kemudahan tersebut bagi satu tempoh konsesi tertentu dan ianya akan diserah balik kepada kerajaan tanpa kos di akhir tempoh konsesi berkenaan. 4. Pihak syarikat dibenarkan mengutip caj / fi daripada pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut secara tidak langsung daripada pihak perantaraan, biasanya institusi kerajaan.	1. Lebuh raya bertol. 2. Perkhidmatan rel ringan. 3. Pembetungan.	✓	
Bina - Pajak - Pindah [*Build - Lease - Transfer* (BLT)]			
1. Syarikat swasta membina kemudahan dengan pembiayaan sendiri. 2. Apabila siap, kemudahan berkenaan akan digunakan oleh kerajaan. 3. Sebagai balasan, syarikat akan mengenakan sewaan kepada kerajaan untuk suatu tempoh yang panjang contohnya selama 25 tahun. 4. Selepas tempoh tersebut, kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada kerajaan.	1. Pembangunan kompleks bangunan kerajaan di Putrajaya. 2. Pembinaan 10,000 unit rumah guru fasa 1 di Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Sarawak dan Sabah.		✓
Bina - Kendali - Milik [*Build - Operate - Own* (BOO)]			
1. Syarikat swasta membiayai pembinaan dan mengendalikan kemudahan tanpa menyerahkan aset tersebut kepada kerajaan. 2. Dalam tempoh konsesi, syarikat dibenar mengenakan caj kepada pengguna kemudahan atau perkhidmatan berkenaan.	1. Penjanakuasa Elektrik Persendirian (IPP). 2. Bekalan Air Dingin Putrajaya.	✓	

sambungan

Jadual 1.3: Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

Jenis PPP	Contoh Projek	Kaedah PPP	
		Penswastaan	Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Bina - Pajak - Selenggara – Pindah [*Build - Lease - Maintain - Transfer* (BLMT)]			
1. Syarikat swasta membina dan menyelenggara kemudahan kerajaan dengan pembiayaan sendiri sepanjang tempoh konsesi. 2. Kerajaan akan hanya membuat bayaran sekiranya perkhidmatan itu menepati tahap perkhidmatan yang telah dipersetujui (*pre-agreed service level*) atau Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*- KPI) yang telah ditetapkan. 3. Kemudahan tersebut akan menjadi milik kerajaan setelah tamat tempoh konsesi.	1. Projek pembinaan kampus UiTM di kawasan terpilih.		✓
Pertukaran tanah (*Land swap*)			
1. Syarikat swasta membina kemudahan untuk kerajaan seperti pejabat dan kuarters. 2. Sebagai balasan, kerajaan akan memindah milik tanahnya kepada syarikat. 3. Kaedah ini juga melibatkan pembangunan tanah secara usahasama yang mana tanah tidak dipindah milik kepada syarikat tetapi hartanah yang siap dibangunkan akan dijual terus kepada orang awam. 4. Pulangan kepada kerajaan adalah dalam bentuk *in-kind* dan bayaran tunai.	1. Pembangunan Semula Tapak Sekolah Bukit Bintang, Kuala Lumpur. 2. Pembangunan Tanah DBKL Mukim Batu. 3. Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. 4. Pembinaan Kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Bukit Gedung Pulau Pinang.	✓	
Kontrak Pengurusan			
1. Menggunakan kepakaran sektor swasta untuk mengurus sesuatu aktiviti atau melaksanakan perkhidmatan yang sebelum itu dijalankan sendiri oleh kerajaan secara kontrak jangka pendek. 2. Melibatkan pembayaran oleh kerajaan bagi perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh konsesi dan melibatkan pemindahan kakitangan, tanggungjawab pengurusan dan aset mudah alih kepada syarikat swasta yang berkenaan.	1. Penyelenggaraan Jalan Persekutuan. 2. Perkhidmatan sokongan hospital bagi Hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.		

sambungan

Jadual 1.3: Perincian Kerjasama *Public-Private Partnership* (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

Jenis PPP	Contoh Projek	Kaedah PPP	
		Penswastaan	Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Pengkorporatan			
1. Kaedah ini digunakan bagi menukar taraf agensi kerajaan menjadi sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dengan ekuiti syarikat dipegang sepenuhnya kerajaan melalui Menteri Kewangan diperbadankan.	1. SIRIM Berhad, 2. MIMOS Berhad 3. Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB)	✓	
Pajakan			
1. Melibatkan pemindahan hak menggunakan aset dan kemudahan untuk tempoh tertentu dengan bayaran sewa pajakan. 2. Biasanya digunakan bagi penswastaan entiti yang mempunyai aset bernilai tinggi dan bersifat strategik seperti pelabuhan dan lapangan terbang. 3. Kaedah ini tidak melibatkan pindah milik aset kepada syarikat konsesi tetapi peraturan-peraturan boleh dibuat bagi pemajak membeli aset berkenaan di akhir tempoh pajakan. 4. Tempoh pajakan adalah sama dengan tempoh konsesi.	1. Pelabuhan Kuantan 2. Pajakan terminal kontena di Pelabuhan Klang	✓	

Sumber: Portal Rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), 2018.

SEKTOR YANG TERLIBAT DALAM PPP

- ✓ Pengangkutan
- ✓ Lebuh raya / jalan raya
- ✓ Keretapi
- ✓ Pelabuhan
- ✓ Lapangan terbang
- ✓ Kuasa elektrik
- ✓ Kesihatan
- ✓ ICT
- ✓ Penginapan
- ✓ Pelancongan

SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PPP



1.4.3 PENGENALPASTIAN SUMBER KEWANGAN BAHARU

Agensi pelaksana utama terutamanya PBT perlu mempunyai kestabilan kewangan di tahap yang baik untuk menjalankan perkhidmatan perbandaran dengan cemerlang kepada komuniti. Selain itu, kedudukan kewangan yang baik juga penting agar projek-projek yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang disasarkan. Sehubungan itu, langkah-langkah penambahbaikan kepada sumber pendapatan serta sumber-sumber kewangan baharu perlu dikenal pasti agar kedudukan kewangan dapat ditingkatkan. Selaras dengan perkembangan dan kecanggihan teknologi masa kini, berikut antara cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk mengukuhkan hasil dan pendapatan agensi pelaksana.

Pendigitalan Perkhidmatan dan Kaedah Bayaran Bagi Cukai Tanah, Cukai Pintu, Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Sebagainya

Melalui perkhidmatan dan pembayaran secara digital, pengguna boleh melakukan transaksi pada bila-bila masa tanpa perlu bersesak di kaunter. Ia akan memudahkan kerja dan menjimatkan masa serta tenaga. Dengan cara ini juga dapat mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19 yang melanda negara dan dunia pada ketika ini.

Menghubungkan Maklumat Percukaian Hartanah Individu dan Syarikat Dengan Sistem Auto-pembayaran Melalui Kad Kredit Atau Kad Debit

Isu tunggakan kutipan cukai sering dihadapi di mana-mana PBT. Kutipan ini sememangnya adalah amat penting terutama bagi mengekalkan perkhidmatan perbandaran yang baik dan juga kerja-kerja penyelenggaraan. Justeru, kaedah auto-pembayaran melalui kad debit atau kad kredit sesuai digunapakai di seperti mana digunakan oleh institusi perbankan bagi kutipan balik bayaran pinjaman secara ansuran. Insentif menarik seperti rebat dan potongan bayaran boleh ditawarkan kepada pembayar yang bersetuju dengan kaedah auto-pembayaran. Secara tidak langsung, kaedah ini dapat meningkatkan peratusan kutipan cukai sekaligus mengurangkan tunggakan bayaran cukai.

Meningkatkan Perkhidmatan Yang Mendatangkan Pendapatan Kepada Agensi

PBT juga menjana pendapatan melalui sewaan fasiliti dan juga kemudahan yang disediakannya. Fasiliti yang kerap mendapat tempahan sewaan perlulah ditingkatkan. Antara yang strategik ialah dengan mengguna pakai papan iklan elektronik atau *LED Electronic Banner* bagi menyiarkan iklan-iklan oleh syarikat-syarikat. Banyak iklan yang dapat ditayangkan secara *'looping'* di skrin tanpa perlu pemasangan secara manual serta boleh dikawal dari bilik kawalan. Ini dapat menjana pendapatan yang lebih kepada PBT berbanding menggunakan papan iklan statik yang perlu dipasang dan dibuka setelah tempoh sewaan tamat.

Memanfaatkan Kelebihan Media Massa Bagi Mengiklankan Daerah Hilir Perak

Selaras dengan peredaran masa serta perkembangan teknologi, tidak dinafikan masyarakat pada masa kini sangat dekat dengan media massa seperti televisyen, radio, internet dan sebagainya. Justeru, MPTI perlu mengorak langkah mengikuti trend semasa dalam 'memasarkan' keunikan yang ada di daerah Hilir Perak. Antaranya adalah seperti menjalankan usahasama dengan pihak-pihak media dan *'content creator'* di media sosial bagi menghasilkan bahan tayangan promosi produk pelancongan yang ada dengan cara persembahan yang menarik bagi mencipta fenomena '*viral*' seterusnya menarik kedatangan pelancong ke daerah ini. Dengan cara ini, ia dapat membantu menambahbaik ekonomi setempat dan turut mengukuhkan pendapatan MPTI melalui sumbangan aktiviti pelancongan.

Pembangunan Semula / Penggunaan Semula Kawasan Yang Usang Dengan Konsep Menarik

Daerah Hilir Perak mempunyai banyak aset yang boleh dimanfaatkan melalui pembangunan semula dengan konsep-konsep yang menarik. Ini dengan mentransformasikan kawasan yang tidak ekonomik, usang, terbiar dan suram ke arah bandar atau bangunan yang lebih menarik untuk tarikan pelancong. Lorong-lorong belakang bangunan boleh dihiasi dengan mural dan elemen seni seperti yang banyak dilakukan oleh PBT lain. Bangunan-bangunan usang dengan reka bentuk asas yang tersendiri serta kewujudan feri yang tersadai boleh ditukar guna dan dibangunkan dengan kegunaan yang menarik seperti muzium, galeri, kafe hipster, restoran dan lain-lain.

1.4.4 PENGUKUHAN DAN PENAMBAHBAIKAN ORGANISASI MPTI

Pentadbiran dan pengurusan memerlukan organisasi yang kukuh dan mampu menjalankan setiap fungsi dan peranannya pada tahap yang optimum dan memenuhi keperluan. Ini adalah penting kerana organisasi yang kukuh secara tidak langsung mempunyai kapasiti pelaksanaan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti. Dalam konteks perkhidmatan PBT, perkhidmatan yang menjadi tanggungjawabnya adalah menyeluruh, antaranya termasuklah penyediaan infrastruktur kawasan, penjagaan kebersihan kawasan dan alam sekitar, pembangunan fizikal serta segala bentuk kemudahan masyarakat, perancangan pembangunan ekonomi setempat dan sebagainya. Sehubungan itu, berdasarkan analisis yang telah dijalankan sebelum ini, beberapa aspek penambahbaikan yang dapat dilakukan berhubung organisasi MPTI dicadangkan seperti berikut:

Penambahbaikan Ke Atas Waran Perjawatan Yang Kurang Seimbang

Analisis yang dijalankan mendapati sesetengah jabatan atau bidang perkhidmatan di MPTI mempunyai jumlah tenaga kerja yang terlalu kecil dan menyukarkan untuk pelaksanaan pelbagai perkara dalam satu masa, manakala di sesetengah jabatan pula mempunyai jumlah kakitangan yang ramai. Kekurangan tenaga kerja di sesetengah jabatan ini juga boleh menyebabkan jabatan yang terlibat terhad fokusnya ke atas tugasan rutin berbanding ke arah merancang dan melaksanakan perancangan dan pembangunan strategik dalam kawasan daerah Hilir Perak. Antara jabatan penting yang didapati mempunyai isu ini termasuklah Jabatan Perancang Bandar yang hanya mempunyai seorang Ketua Jabatan dan seorang Penolong Pegawai. Keadaan yang sama juga melibatkan Unit Teknologi Maklumat yang turut mempunyai hanya dua kakitangan dan tiada pegawai. Hal ini menyukarkan untuk usaha perancangan dan pemodenan daerah Hilir Perak seperti pembangunan berkonsepkan *'Internet of Things' (IOT),* perancangan infrastruktur pintar, penerapan elemen bandar pintar dan sebagainya.

Justeru, RT ini mencadangkan pengembangan waran perjawatan bagi bidang-bidang yang penting dan kritikal dalam merancang pembangunan daerah Hilir Perak ke arah masa hadapan khasnya bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan undang-undang. Jumlah pertambahan perjawatan perlu disesuaikan dengan bebanan tugas serta dibandingkan dengan PBT lain dalam negeri Perak yang berstatus perbandaran. Dengan cadangan ini, pengukuhan perkhidmatan melibatkan jabatan-jabatan ini dapat diperkukuhkan dan tidak hanya memfokuskan kepada penyelesaian tugasan rutin sahaja, malah dapat merancang pembangunan iklim pelaburan yang baik di daerah ini untuk menarik perhatian pelabur ke daerah ini.

Penyusunan Semula Organisasi MPTI

Analisis yang dijalankan mendapati terdapat bahagian dalaman berkepentingan tinggi yang dikumpul dan digabungkan di bawah satu jabatan berkemungkinan bagi mengehadkan bilangan jabatan yang ada, manakala bahagian-bahagian tersebut pula ditadbir oleh kumpulan pelaksana. Perkara ini dilihat mampu memberi kesan terhadap kecekapan penyampaian perkhidmatan apabila terlalu banyak bahagian diletakkan di bawah satu ketua jabatan dan bahagian-bahagian tersebut pula tiada ketua dari kumpulan pengurusan. Bagi memantapkan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan di MPTI, penyusunan semula organisasi adalah penting bagi memastikan jentera yang ada adalah pada tahap terbaik untuk melaksanakan setiap fungsi dan peranan yang ditetapkan. Antara cadangannya adalah bahagian-bahagian yang penting perlu mempunyai jabatan yang berasingan dan ketuanya yang khusus dari kumpulan pengurusan. Selain itu, beberapa unit pula perlu dikaji semula perletakannya di bawah jabatan yang lebih bersesuaian bagi mewujudkan komunikasi data yang lebih efektif di bawah satu jabatan. Dengan cara ini, penyampaian perkhidmatan jabatan-jabatan di MPTI dapat ditambahbaik ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Mempertingkatkan Penyediaan Kursus dan Latihan Selaras Dengan Bidang Berkaitan

Penyediaan kursus dan latihan yang berterusan juga adalah penting bagi memastikan setiap kakitangan di Majlis Perbandaran Teluk Intan mempunyai prestasi dan pengetahuan yang tinggi serta berkualiti berhubung tugas mereka. Program latihan secara berterusan adalah penting selaras dengan evolusi perkembangan teknologi yang pantas dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung, ini akan menambahbaik mutu perkhidmatan di MPTI secara keseluruhan.

1.4.5 CADANGAN PENUBUHAN PBT BERASINGAN BAGI DAERAH BAGAN DATUK

Kajian sektor ini tidak hanya melihat kepada aspek kawasan kajian semata-mata, tetapi turut mengkaji dari segi pentadbiran dan pengurusan agensi. Sepertimana diterangkan di dalam peringkat analisis, Majlis Perbandaran Teluk Intan bertanggungjawab untuk mentadbir dua daerah berasingan iaitu daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datuk. Jika dibandingkan dari aspek keluasan kawasan pentadbiran dengan kapasiti jentera pentadbiran yang ada serta perbandingannya dengan PBT-PBT lain yang setaraf dengannya, terdapat jurang perbezaan yang besar dari segi bebanan yang perlu ditanggung oleh MPTI dan liputan perkhidmatan yang perlu diberikannya.

Justeru, cadangan bagi mewujudkan PBT berasingan bagi daerah Hilir Perak adalah amat bersesuaian serta selaras dengan cadangan RT Daerah Bagan Datuk 2035. Ini bertujuan mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan bagi kedua-dua daerah, di samping meringankan bebanan yang ditanggung MPTI.

1.4.6 CADANGAN PENYELARASAN PENTADBIRAN JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) yang disediakan turut mengambil kira perancangan dan pengurusan masyarakat Orang Asli yang terdapat di daerah Hilir Perak. Ini bertujuan memastikan masyarakat Orang Asli tidak terkecuali dari menerima manfaat pembangunan yang dirancang.

Pada ketika ini, bidang kuasa urus tadbir petempatan Orang Asli di daerah Hilir Perak adalah tidak seragam, di mana JAKOA Daerah Hilir Perak bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal Kampung Sungai Pelawan, Kampung Redang Punggor, Kampung Pengkalan Daun dan Kampung Sungai Rambai, manakala Kampung Sungai Chawang pula adalah di bawah bidang kuasa JAKOA Daerah Batang Padang sedangkan ia terletak di dalam kawasan daerah Hilir Perak. Kampung Sungai Chawang di bawah pentadbiran JAKOA Batang Padang dilihat agak ketinggalan berbanding kampung-kampung Orang Asli dalam daerah Hilir Perak yang lain.

Oleh itu, cadangan mewujudkan penyelarasan bidang kuasa pentadbiran perlu dilaksanakan. Antaranya ialah:

i. Memasukkan Kampung Sungai Chawang di bawah pentadbiran JAKOA Daerah Hilir Perak.
ii. Menaik taraf Kampung Sungai Chawang melalui pelan pembangunan khas dengan menyediakan kemudahan masyarakat dan infrastruktur yang baik.
iii. Meminimumkan jurang pembangunan di kesemua kampung Orang Asli dalam daerah Hilir Perak.
iv. Melalui penyelarasan pentadbiran, penambahbaikan ke atas kampung Orang Asli dapat dilakukan agar seiring dengan kampung-kampung yang lain.

1.5 RUMUSAN CADANGAN PROJEK DAN PROGRAM RT DAERAH HILIR PERAK 2035 (PENGGANTIAN)

Perancangan pelaksanaan cadangan projek dan program pembangunan bagi RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) terbahagi kepada tiga fasa pelaksanaan yang ditentukan dengan mengambil kira faktor seperti keutamaan serta skala projek / program tersebut. Bagi projek berskala kecil, project bersifat '*quick-win*' dan projek yang tidak melibatkan kos yang besar, ianya mudah untuk disegerakan pelaksanaannya. Namun, bagi projek '*flagship*' atau projek berskala besar, ia memerlukan proses perancangan terperinci yang teliti dan sumber peruntukan yang besar sebelum boleh dilaksanakan. Secara amnya, fasa pelaksanaan cadangan pembangunan ini ditentukan bagi memastikan setiap cadangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan sistematik secara berperingkat berdasarkan kepada keutamaan dan kepentingannya.



Bahagian ini juga disediakan dengan tujuan khas untuk memudahkan agensi-agensi pelaksana dalam membuat perancangan, penyelarasan dan rangka kerja bagi tujuan pelaksanaan projek yang telah dirancang berdasarkan jadual dan tempoh masa yang telah diberikan. Keseluruhan bilangan projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) serta anggaran kos yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1.4** dan **Jadual 1.5.**

Anggaran Kos pembangunan yang tertinggi adalah bagi pembangunan di bawah Teras 1 – Guna Tanah dan Alam Sekitar Hilir Perak Mampan (RM657.7 juta), diiikuti dengan pembangunan di bawah Teras 2 – Ekonomi Hilir Perak Berdaya Saing (RM499.8 juta), pembangunan di bawah Teras 3 – Persekitaran Hidup Hilir Perak Berkualiti (RM452.8 juta) dan yang terendah adalah pembangunan di bawah Teras 4 – Komuniti Hilir Perak Sihat Sejahtera (RM419.5 juta). Adalah diharapkan rumusan mengenai setiap cadangan projek ini dapat memudahkan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan daerah Hilir Perak dalam mengenalpasti projek / program pembangunan yang terdapat dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian).

Jadual 1.4: Bilangan Cadangan Projek / Program dan Kos Projek dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Jenis Pembangunan	Bil. Projek / Program	Anggaran Kos Projek (RM)	%
Teras 1 : Guna Tanah dan Alam Sekitar Hilir Perak Mampan				
1	Projek Utama	6	615,250,000	30.31
2	Projek Sokongan	6	42,500,000	2.09
Teras 2 : Ekonomi Hilir Perak Berdaya Saing				
4	Projek Utama	9	483,050,000	23.80
5	Projek Sokongan	7	16,800,000	0.83
Teras 3 : Persekitaran Hidup Hilir Perak Berkualiti				
7	Projek Utama	6	284,800,000	14.03
8	Projek Sokongan	12	168,000,000	8.28
Teras 4 : Komuniti Hilir Perak Sihat Sejahtera				
11	Projek Utama	2	160,000,000	7.88
12	Projek Sokongan	14	259,500,000	12.78
Jumlah		**62**	**2,029,900,000**	**100.00**

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
TERAS 1 : GUNA TANAH DAN ALAM SEKITAR HILIR PERAK MAMPAN							
Projek Utama							
T1-U1	Pengukuhan Hierarki Petempatan	√	√	√	Kerajaan Negeri, MPTI, PDTHP	KN	-
T1-U2	Pewartaan Sempadan Bandar dan Pekan	√	√	√	MPTI, PDTHP, JPN Perak, PTG Negeri Perak	KN, MPTI	-
T1-U3	Pengukuhan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa	√	√	√	KPLB, MPTI, PDTHP, PLANMalaysia@Perak	KP, KN	-
T1-U4 F	Pusat Pentadbiran Daerah Hilir Perak	√	√	√	MPTI, PDTHP, UPEN Perak	KN	350,000,000
T1-U5 F	Pembangunan Kawasan Sekitar Lebuhraya Pantai Barat (WCE)	√	√	√	MPTI, PDTHP, Pihak swasta	KN, Pihak swasta	250,000,000
T1-U6 F	Pembangunan Semula Sungai Perak Sekitar Bandar Teluk Intan	√	√	√	MPTI, JPS, PDTHP	MPTI, KN, Pihak swasta	15,250,000
Projek Sokongan							
T1-S1	Penyediaan Pintu Masuk Daerah dan Bandar	√	√	-	MPTI	MPTI	5,000,000
T1-S2	Pengukuhan Imej Warisan Bandar	√	√	√	MPTI, JWN	KN	15,000,000
T1-S3	Penambahbaikan Landskap Bandar	√	√	-	MPTI	MPTI, KN	10,500,000
T1-S4	Pemerkasaan Kualiti Alam Sekitar	√	√	√	JAS, JMG, JPS, MPTI, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian Negeri Perak, Jabatan Perikanan Negeri Perak, JPSPN, JPP, SPAN, IWK, Pihak swasta	KP, KN, Pihak swasta	12,000,000

sambungan

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
T1-S5	Pemeliharaan dan Pemuliharaan KSAS	√	√	√	Jabatan Pertanian Negeri Perak, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, PTG Negeri Perak, JPS, JMG	KP, KN	-
T1-S6	Memajukan dan Memperkasakan Sektor Mineral Secara Mampan		√	√	PTG Negeri Perak, JMG, PLANMalaysia@Perak, MPTI	Pihak swasta	-
TERAS 2 : EKONOMI HILIR PERAK BERDAYA SAING							
Projek Utama							
T2-U1	Pembangunan Zon Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan	√	√	√	Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, LPP, Felcra Berhad, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, FAMA, MPOB, MARDI, NCIA, Pihak swasta	KN, KP, MPOB	9,000,000
T2-U2	Perluasan Kawasan Jelapang Padi	√	√	√	MOA, Kerajaan Negeri, IADA Seberang Perak, JPS	KP	15,000,000
T2-U3	Penubuhan Mini Estet Padi	√	√	√	MARDI, IADA Seberang Perak, JPS	KP, KN	20,000,000
T2-U4	Perluasan Kawasan Perniagaan Baharu	-	-	√	PKNP, MPTI, Pihak swasta	Pihak swasta, PKNP, MPTI	75,000,000
T2-U5	Cadangan Taman Perindustrian dan Sains Makanan Nova Scottia	√	√	-	NCIA, Pemaju swasta, Kerajaan Negeri	NCIA, Pemaju swasta	105,500,000
T[F]-U6	Cadangan Taman Perindustrian Baharu	√	√	-	Pihak swasta, PKNP	Pihak swasta, PKNP	129,550,000
T2-U7	Penyediaan Pakej dan Komponen Pelancongan	√	√	√	MOTAC, JWN, PTNP, Tourism Perak, MPTI, PDTHP	KN, KP	42,000,000

sambungan

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
T2-U8	Pemerkasaan Ekonomi Desa	√	√	√	KPLB, PDTHP, JPKK, MARDI, JPV, SME Corp, LPP, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan	KP, KN, Koperasi	75,000,000
T2-U9	Membangunkan Zon Industri Akuakultur (ZIA)	√	√	√	Jabatan Perikanan Malaysia, MP Teluk Intan, JPS	KP, Pihak swasta	12,000,000
Projek Sokongan							
T2-S1	Menggalakkan Penglibatan Agroprenuer Muda	√	√	√	MOA, NCIA, FAMA, MPOB LPP, IADA Seberang Perak, Universiti, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional, Pihak swasta	KP, NCIA, MPOB, Pihak swasta	3,000,000
T2-S2	Mewujudkan Integrasi Pelancongan-Perikanan Sungai	√	√	√	Jabatan Perikanan Negeri Perak, Tourism Perak, Pihak swasta	KP, KN	1,500,000
T2-S3	Perluasan Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Degong	√	√	√	Jabatan Pertanian Negeri Perak	KP	3,000,000
T2-S4	Penggalakan Program Pertanian Bandar dan Bumi Hijau	√	√	√	Jabatan Pertanian Negeri Perak, MARDI	KP, KN	500,000
T2-S5	Perluasan Persijilan Mampan Kelapa Sawit	√	-	-	MPOB, JPS, Pertubuhan Peladang Kawasan	KP, MPOB	300,000
T2-S6	Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang	√	-	-	Pemilik bangunan, Pihak swasta	Pemilik bangunan, Pihak swasta	3,500,000
T2-S7	Pembangunan Pusat Penjaja Terancang	√	√	-	MPTI, Pihak swasta	MPTI, Pihak swasta	5,000,000

sambungan

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
TERAS 3 : PERSEKITARAN HIDUP HILIR PERAK BERKUALITI							
Projek Utama							
T3-U1	Penaiktarafan Jalan-Jalan Utama	√	√	-	JKR, PDTHP, Kerajaan Negeri	KN	50,000,000
T3-U2	Pembinaan Jalan-Jalan Baharu	√	√	√	JKR, PDTHP, Kerajaan Negeri	KN	150,000,000
T3-U3	Pembinaan Jalan Lingkaran (*Ring Road*) Teluk Intan	√	√	-	JKR, PDTHP	KN	58,000,000
F T3-U4	Pengurusan Banjir, Hakisan dan Sistem Saliran Bandar	√	√	√	JPS	KN	16,800,000
F T3-U5	Peningkatan Tahap Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Teknologi Hijau	√	-	-	JPSPN, SWCorp, MPTI, Pihak swasta	KP, KN, Pihak swasta	10,000,000
T3-U6	Menggalakkan Pembangunan Bandar Pintar (*Smart City*)	√	√	√	MPTI, JPS, Agensi pelancongan	KN	-
Projek Sokongan							
T3-S1	Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki dan Penyediaan Laluan Basikal	√	-	-	MPTI	MPTI, Pihak swasta	10,000,000
T3-S2	Penggunaan Sistem Kawalan Lalu Lintas Bersepadu Pintar (TCSS)	-	-	√	MPTI, APAD, JPJ	KN, MPTI Pihak swasta	15,000,000
T3-S3	Penggunaan *Parking Violation System*	-	√	-	MPTI, Pihak swasta	KN, MPTI	8,000,000
T3-S4	Penyediaan Laluan Perkhidmatan Bas Perantara	-	√	-	MPTI, APAD, Pihak swasta	KN, Pihak swasta	20,000,000
T3-S5	Penambahbaikan Perkhidmatan Bas Henti-Henti	√	-	-	MPTI, APAD, Operator bas	KN, Pihak swasta	5,000,000
T3-S6	Pengukuhan Rangkaian Perhubungan Bandar - Desa	√	√	√	APAD, KPLB, PDT Hilir Perak, MPTI	KP, KN	5,000,000

sambungan

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
T3-S7	Pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu	-	√	-	MPTI, PDTHP, APAD	KN	10,000,000
T3-S8	Pembinaan Baharu Jeti Bot Penambang	√	√	-	KN, Jabatan Laut, PDTHP, Pihak swasta	KN	10,000,000
T3-S9	Perluasan Rangkaian Talian dan Peningkatan Kadar Penembusan Sistem Maklumat, Telekomunikasi dan ICT	√	√	√	SKMM, MPTI, Digital Perak, Syarikat Telekomunikasi	KP, KN	15,000,000
T3-S10	Pelaksanaan Sistem Agihan Bekalan Air Sempurna dan Liputan Menyeluruh	√	√	√	LAP, JMG	KN	20,000,000
T3-S11	Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Mencukupi	√	√	√	TNB	KN	30,000,000
T3-S12	Penaiktarafan Sistem Kumbahan	√	√	√	JPP, SPAN, MPTI, IWK	KP, KN	20,000,000
TERAS 4 : KOMUNITI HILIR PERAK SIHAT SEJAHTERA							
Projek Utama							
T4-U1	Penyediaan Perumahan Berkualiti Mampu Milik Bagi Golongan B40	√	√	√	LPHP, MPTI, PDTHP, GLC, Pihak swasta	Pemaju, KN, KP	150,000,000
T4-U2	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sebagai Pusat Perkhidmatan Desa	√	√	√	KPLB, MPTI, PDTHP, PLANMalaysia@Perak	KP, KN	10,000,000
Projek Sokongan							
T4-S1	Penempatan Semula Perumahan Setinggan	√	√	√	LPHP, MPTI, PDTHP	KN, LPHP, PDTHP, MPTI	30,000,000

sambungan

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
T4-S2	Pembangunan Perumahan Inovatif dan Kejiranan Hijau	√	√	√	KPKT, LPHP, MPTI, Pihak swasta, Komuniti setempat	KN, Pihak Swasta	20,000,000
T4-S3	Pengukuhan Karakter Petempatan	√	√	√	KPLB, MPTI, PDTHP, JPKK	KP, KN	10,000,000
T4-S4	Peningkatan Kualiti Perumahan dan Persekitaran Desa	√	√	√	KPLB, KPKT, Kerajaan Negeri, PDTHP, MPKK, GLC/NGO, Pihak swasta	KP, GLC/NGO Pihak swasta (CSR)	10,000,000
T4-S5	Pewartaan Kampung Orang Asli	√	√	√	JAKOA Daerah Hilir Perak, JAKOA Daerah Batang Padang, PDTHP	KP, KN	-
T4-S6	Peningkatan Tahap Infrastruktur Kampung Sungai Chawang	√	√	-	JAKOA Daerah Hilir Perak, JAKOA Daerah Batang Padang, JKR, LAP, PDTHP, Pengendali komunikasi, Pihak swasta	KP, KN	8,000,000
T4-S7	Penyediaan Pelan Pembangunan Kampung Sungai Rambai	-	√	-	JAKOA Daerah Hilir Perak, PDTHP	KN	500,000
T4-S8	Penyediaan Rumah PPRT dan PBR Kepada Masyarakat Orang Asli	√	√	√	KPKT, JAKOA Daerah Hilir Perak, JAKOA Batang Padang, PDTHP	KP, KN	2,000,000
T4-S9	Pengukuhan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Desa Orang Asli	√	√	√	JAKOA Daerah Hilir Perak, JAKOA Daerah Batang Padang, PLANMalaysia@Perak, Universiti, NGO, Pihak swasta	KN, NGO	10,000,000

sambungan

Jadual 1.5: Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		I (2022-2025)	II (2026-2030)	III (2031-2035)			
T4-S10	Pembinaan Sekolah Baharu	√	√	√	Jabatan Pendidikan Negeri Perak, PPD Hilir Perak, JKR, PDT Hilir Perak	KP, KN	150,000,000
T4-S11	Pembinaan Klinik Kesihatan dan Klinik Desa Baharu	-	√	-	KKM, JKR, Jabatan Kesihatan Negeri, PDTHP	KP, KN	5,500,000
T4-S12	Peningkatan Kemudahan Keselamatan (Balai Bomba dan Penyelamat)	√	√	-	KDN, JKR, PDTHP	KP, KN	3,500,000
T4-S13	Pembangunan Kemudahan Awam dan Komuniti	√	√	√	MPTI, PDTHP	KN	8,000,000
T4-S14	Pengukuhan Kemudahan Perpustakaan Awam	√	√	-	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, PDTHP	KN	2,000,000

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

Nota:

APAD - Agensi Pengangkutan Awam Darat
DOA - Jabatan Pertanian
FAMA - Federal Agricultural Marketing Authority
GLC - Government-Linked Company
IADA - Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
IWK - Indah Water Konsortium
JAKOA - Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAS - Jabatan Alam Sekitar
JKR - Jabatan Kerja Raya
JMG - Jabatan Mineral dan Geosains
JPJ - Jabatan Pengangkutan Jalan
JPP - Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
JPS - Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSPN - Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
JPV - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JWN - Jabatan Warisan Negara
KDN - Kementerian Dalam Negeri
KKM - Kementerian Kesihatan Malaysia
KN - Kerajaan Negeri
KP - Kerajaan Persekutuan
KPKT - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPLB - Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM - Kementerian Pendidikan Malaysia
LAP - Lembaga Air Perak
LPHP - Lembaga Perumahan dan Hartanah Malaysia
LPP - Lembaga Pertubuhan Peladang
MARDI - Malaysian Agricultural R&D Institute
MOA - Ministry of Agriculture and Food Industries
MOTAC - Ministry of Tourism, Arts and Culture
MPKK - Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
MPOB - Malaysian Palm Oil Board
MPTI - Majlis Perbandaran Teluk Intan
NCER - Northern Corridor Economic Region
NCIA - Northern Corridor Implementation Authority
PDTHP - Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
PKNP - Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
PPD - Pejabat Pendidikan Daerah
PTG - Pejabat Tanah dan Galian
PTNP - Perbadanan Taman Negeri Perak
SME Corp - Perbadanan Perusahaan Kecil & Sederhana
SKMM - Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia
SPAN - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
TMB - Telekom Malaysia Berhad
TNB - Tenaga Nasional Berhad
UPEN - Unit Perancang Ekonomi Negeri

1.6 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROJEK DAN PROGRAM PEMBANGUNAN

1.6.1 CADANGAN KAEDAH PELAKSANAAN MELALUI *PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP* (PPP)

Terdapat pelbagai model dan kaedah dalam pembiayaan pelaksanaan sesebuah projek pembangunan sama ada secara konvensional, kerjasama awam swasta atau melalui penswastaan. Bagi projek-projek agensi kerajaan yang melibatkan kos yang besar, lazimnya ia dilaksanakan menerusi kaedah kerjasama awam swasta (*Public-Private Partnership*). Penentuan model yang diguna pakai lazimnya akan mengambil kira pelbagai faktor seperti kos, kewangan, impak, kapasiti dan keupayaan pengendalian, pengurusan, tanggungan risiko dan lain-lain.

Bagi RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), terdapat beberapa cadangan projek dan program pembangunan telah dikenal pasti (**Jadual 1.6**) berpotensi untuk dijalankan secara kerjasama awam swasta terutama projek atau program pembangunan yang memerlukan kos melebihi RM 25 juta serta sektor tertentu seperti pengangkutan, ICT dan kesihatan (**rujuk Bab 4.2**).

Jadual 1.6: Cadangan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) Melalui *Public-Private Partnership* (PPP)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Jenis PPP						
		BOT	BLT	BOO	BLMT	PT	KP	PJ
TERAS 1 : GUNA TANAH DAN ALAM SEKITAR HILIR PERAK MAMPAN								
Projek Utama Teras 1								
T1-U3	Pengukuhan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa	✓		✓		✓		
T1-U4 F	Pusat Pentadbiran Daerah Hilir Perak		✓		✓			
T1-U5 F	Pembangunan Kawasan Sekitar Lebuhraya Pantai Barat (WCE)	✓		✓		✓		
T1-U6 F	Pembangunan Semula Sungai Perak Sekitar Bandar Teluk Intan						✓	

sambungan

Jadual 1.6: Cadangan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) Melalui *Public-Private Partnership* (PPP)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Jenis PPP						
		BOT	BLT	BOO	BLMT	PT	KP	PJ
Projek Sokongan Teras 1								
T1-S6	Memajukan dan Memperkasakan Sektor Mineral Secara Mampan							✓
TERAS 2 : EKONOMI HILIR PERAK BERDAYA SAING								
Projek Utama Teras 2								
T2-U1	Pembangunan Zon Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan					✓		✓
T2-U3	Penubuhan Mini Estet Padi					✓		✓
T2-U4	Perluasan Kawasan Perniagaan Baharu		✓	✓	✓			
T2-U5 F	Cadangan Taman Perindustrian dan Sains Makanan Nova Scottia		✓	✓	✓			
T2-U6	Cadangan Taman Perindustrian Baharu		✓	✓	✓			
T2-U7	Penyediaan Pakej dan Komponen Pelancongan	✓	✓		✓		✓	
T2-U8	Pemerkasaan Ekonomi Desa	✓	✓	✓				
Projek Sokongan Teras 2								
T2-S6	Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang			✓		✓		
T2-S7	Pembinaan Pusat Penjaja Terancang			✓				
TERAS 3 : PERSEKITARAN HIDUP HILIR PERAK BERKUALITI								
Projek Utama Teras 3								
T3-U1	Penaiktarafan Jalan-Jalan Utama	✓		✓				
T3-U2	Pembinaan Jalan-Jalan Baharu	✓		✓				
T3-U3 F	Pembinaan Jalan Lingkaran (*Ring Road*) Teluk Intan	✓		✓				
Projek Sokongan Teras 3								
T3-S2	Penggunaan Sistem Kawalan Lalu Lintas Bersepadu Pintar (TCSS)		✓		✓			
T3-S3	Penggunaan *Parking Violation System*		✓		✓			

sambungan

Jadual 1.6: Cadangan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) Melalui *Public-Private Partnership* (PPP)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Jenis PPP						
		BOT	BLT	BOO	BLMT	PT	KP	PJ
T3-S7	Pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu	✓		✓				✓
T3-S8	Pembinaan Baru Jeti Bot Penambang	✓		✓			✓	
T3-S9	Perluasan Rangkaian Talian dan Peningkatan Kadar Penembusan Sistem Maklumat, Telekomunikasi dan ICT	✓		✓			✓	
T3-S10	Pelaksanaan Sistem Agihan Bekalan Air Yang Sempurna dan Menyeluruh	✓		✓				
T3-S11	Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi	✓		✓				
T3-S12	Penaiktarafan Sistem Kumbahan	✓		✓				
TERAS 4 : KOMUNITI HILIR PERAK SIHAT SEJAHTERA								
Projek Utama Teras 4								
T4-U1	Penyediaan Perumahan Berkualiti Mampu Milik Bagi Golongan B40						✓	
T4-U2	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sebagai Pusat Perkhidmatan Desa	✓		✓		✓		
Projek Sokongan Teras 4								
T4-S1	Penempatan Semula Perumahan Setinggan						✓	
T4-S6	Peningkatan Tahap Infrastruktur Kampung Sungai Chawang	✓		✓			✓	
T4-S8	Penyediaan Rumah PPRT dan PBR Kepada Masyarakat Orang Asli		✓					
T4-S10	Pembinaan Sekolah Baharu		✓		✓			
T4-S11	Pembinaan Klinik Kesihatan dan Klinik Desa Baharu		✓		✓			
T4-S12	Peningkatan Kemudahan Keselamatan (Balai Bomba dan Penyelamat)		✓		✓			
T4-S13	Pembangunan Kemudahan Awam dan Komuniti		✓		✓			
T4-S14	Pengukuhan Kemudahan Perpustakaan Awam		✓		✓			

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

Nota :
- *BOT - Build – Operate – Transfer*
- *BLT - Build – Lease – Transfer*
- *BOO - Build – Operate – Own*
- *BLMT - Build – Lease – Maintain – Transfer*
- F - *Projek Flagship*
- *PT - Pertukaran Tanah*
- *KP - Kontrak Pengurusan*
- *PJ - Pajakan*

1.6.2 AGENSI PELAKSANA DAN PENGLIBATAN DALAM RT DAERAH HILIR PERAK 2035 (PENGGANTIAN)

Pelaksanaan projek yang lebih berkesan dapat dicapai dengan mengenalpasti dan melibatkan agensi pelaksana yang berkaitan dalam proses merancang seterusnya melaksanakan sesebuah projek tersebut. Ianya adalah penting agar perancangan yang dibuat juga adalah selari dengan perancangan di peringkat agensi pelaksana serta berdaya laksana. Selain itu, penglibatan agensi pelaksana juga penting dalam memastikan pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) mencapai hala tuju yang telah di tetapkan.

Jadual 1.7 menunjukkan senarai sebahagian besar agensi pelaksana yang terlibat serta peranan penglibatan mereka dalam konteks pelaksanaan cadangan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian). Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak bertindak sebagai pemegang taruh utama RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) yang bukan sahaja berperanan sebagai agensi pelaksana malah turut berperanan penting sebagai penyelaras utama dan pemudahcara pembangunan bagi daerah ini berdasarkan perancangan yang telah dibentuk.

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
1.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	1. Mengawal pembangunan guna tanah dan aktiviti pembangunan. 2. Menyediakan kemudahan perniagaan seperti pasar, gerai dan medan selera serta kemudahan awam. 3. Meningkatkan imej bandar melalui penyediaan landskap dan perabot jalan yang berkarakter serta berfungsi. 4. Memastikan pembangunan jalan serta infrastruktur dan utiliti diintegrasikan dengan jabatan teknikal berkaitan. 5. Menguatkuasakan undang-undang / peraturan / garis panduan yang telah ditetapkan terutamanya dari aspek guna tanah dan aktiviti bangunan. 6. Memastikan setiap bandar mencapai fungsi bandar / hierarki petempatan yang telah ditetapkan.
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak	1. Pengurusan tanah untuk pembangunan. 2. Merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan. 3. Penguatkuasaan undang-undang / peraturan berkaitan hal ehwal tanah.
3.	PLANMalaysia@Perak	1. Memberi khidmat nasihat teknikal dalam aspek perancangan pembangunan. 2. Membantu penyediaan pelan-pelan pembangunan yang berkaitan.

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
4.	Jabatan Kerja Raya	1. Melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan, bangunan, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti.
5.	Jabatan Laut	1. Memberi khidmat nasihat teknikal dan memantau pelaksanaan projek pembangunan naik taraf terminal / jeti pengangkutan air. 2. Bekerjasama dengan Tourism Perak dalam pembangunan pelancongan.
6.	Agensi Pengangkutan Awam Darat	1. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan pembangunan infrastruktur bagi pengangkutan awam yang komprehensif, bersepadu dan lestari. 2. Menguatkuasakan semua perkara yang berkaitan dengan pengangkutan awam darat. 3. Memantau dan mengawal selia piawaian prestasi pengendali melalui pelesenan.
7.	Tenaga Nasional Berhad	1. Memperluas jajaran talian elektrik bagi memastikan liputan bekalan elektrik lebih menyeluruh. 2. Melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur bekalan elektrik.
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran	1. Memantapkan sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir. 2. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, program pengurusan serta projek pembangunan infrastruktur pengairan, saliran pertanian dan jalan ladang bagi sektor pertanian. 3. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar dan projek kawalan hakisan sungai. 4. Memberi khidmat nasihat teknikal dalam aspek pengurusan saliran. 5. Menjalankan tindakan mewartakan rizab-rizab sungai bagi tujuan kawalan pembangunan berhampiran badan air.
9.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	1. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek pembangunan tapak pelupusan sanitari wilayah selatan Perak dan juga penyediaan tapak pelupusan sementara. 2. Memberi khidmat nasihat teknikal dan perundangan kepada Kerajaan Negeri, pemegang taruh, agensi kerajaan dan PBT. 3. Menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif.
10.	Lembaga Air Perak	1. Menyediakan perkhidmatan bekalan air yang sempurna di negeri Perak. 2. Melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur bekalan air seperti pembinaan loji dan tangki air, pemanjangan *pipelines* serta penggantian paip-paip lama.

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
11.	Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia	1. Menjalankan penyelidikan dalam aspek pengeluaran, penggunaan dan pemprosesan segala tanaman (kecuali getah, kelapa sawit dan koko), ternakan dan makanan serta perladangan campuran. 2. Berperanan sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat dan nasihat berkenaan dengan perkara saintifik, teknikal dan ekonomi yang berkaitan dengan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani. 3. Memberi pelbagai jenis latihan untuk memajukan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani.
12.	Jabatan Pertanian Negeri Perak	1. Memberi khidmat nasihat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi. 2. Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian. 3. Menjalankan program perlindungan tanaman dan perkhidmatan biosekuriti tumbuhan bagi melindungi tanaman industri dan makanan daripada ancaman perosak dan penyakit. 4. Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang berkualiti dan selamat serta memelihara alam sekitar.
13.	Pejabat Pertanian Daerah Hilir Perak	
14.	Jabatan Perikanan Malaysia	1. Menggalakkan pembangunan dan permodenan sektor perikanan melalui kemajuan teknologi. 2. Memberi khidmat latihan dan nasihat kepada kumpulan pengusaha, nelayan, penternak dan belia. 3. Memberi khidmat nasihat teknikal dalam perancangan dan pembangunan aktiviti penternakan perikanan juga integrasi sektor pelancongan-perikanan.
15.	Jabatan Perikanan Negeri Perak	
16.	Pejabat Perikanan Daerah Hilir Perak	
17.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak	1. Memastikan hasil pengeluaran ternakan adalah berkualiti dan selamat melalui pemeriksaan daging, susu, telur, makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasilan haiwan. 2. Pengembangan pengeluaran ternakan dan kesihatan haiwan serta kesihatan awam veterinar. 3. Menyediakan latihan bagi industri ternakan dan haiwan peliharaan. 4. Bekerjasama dengan Jabatan Pertanian bagi melaksanakan Program Integrasi Ternakan dan Tanaman.
18.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Hilir Perak	

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
19.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1. Membangunkan kemudahan bagi industri halal seperti kilang yang bersesuaian mengikut jenis produk serta memenuhi Amalan Baik Pengeluaran (GMP). 2. Menyediakan platform bagi membolehkan usahawan mengeluarkan produk bermutu tinggi seperti menyediakan kemudahan pembiayaan mesin dan peralatan.
20.	Malaysia Tourism Council	1. Membangunkan dan mempromosi pakej pelancongan. 2. Memastikan produk serta kemudahan sentiasa berada pada tahap yang terbaik bagi menarik kedatangan pelancong / pengunjung. 3. Membuat pelan pelaksanaan bagi projek dan program pembangunan pelancongan dan warisan yang telah dicadangkan bagi memastikan potensi-potensi yang telah dikenalpasti akan dibangunkan dengan efektif. 4. Mendapatkan sumber peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek dan program-program yang berkaitan dengan pelancongan.
21.	Tourism Malaysia	
22.	Tourism Perak	
23.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	1. Melaksanakan dan menguruskan projek perumahan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), Rancangan Perumahan Awam, Rumah Perakku, Program Perumahan Rakyat Disewa serta Rumah Kos Rendah. 2. Melaksanakan inisiatif bersesuaian bagi program pembasmian setinggan. 3. Memohon / mengusahakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek perumahan berkenaan.
24.	Jabatan Pendidikan	1. Memastikan kemudahan masyarakat yang disediakan adalah mencukupi serta berkualiti. 2. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek pembangunan kemudahan masyarakat dan rekreasi. 3. Mendapatkan sumber peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek dan program-program yang berkaitan dengan pembangunan kemudahan masyarakat dan rekreasi.
25.	Jabatan Kesihatan	
26.	Jabatan Agama Islam Negeri Perak	
27.	Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk	
28.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	
29.	Jabatan Landskap Negara	
30.	Perbadanan Taman Negeri Perak	1. Mewartakan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan memaksimakan faedah daripadanya untuk melindungi spesies fauna dan flora terutama yang terancam.

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
31.	PERHILITAN	1. Merangka dan menyelaras program dan aktiviti perlindungan dan pengurusan kawasan perlindungan selaras dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan.
32.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1. Merancang, melaksana, memantau dan menilai semua projek pembangunan dengan menggunakan kaedah yang berkesan. 2. Bertanggungjawab menyelaras dan memantau projek-projek pembangunan melibatkan KPKT. 3. Membantu Kerajaan Negeri mengenalpasti projek baru, membuat kajian kemungkinan keperluan perumahan. 4. Penyediaan bantuan peruntukan bagi pelaksanaan projek di peringkat Kerajaan Tempatan.
33.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	1. Merancang dan menyelaras pembangunan bagi kawasan luar bandar. 2. Menyediakan peruntukan bagi projek-projek pembangunan ekonomi desa, prasarana, infrastruktur dan taraf hidup di luar bandar. 3. Merancang dan mewujudkan petempatan luar bandar yang terancang dan selamat dari ancaman bencana, keselamatan dan kesihatan serta kawasan yang tidak sesuai didiami
34.	Jabatan Alam Sekitar	1. Menjalankan pengawasan dan pemantauan alam sekitar menyeluruh. 2. Membangunkan/menaiktaraf infrastruktur fizikal dan digital yang berkaitan bagi kemudahan pemantauan kualiti alam sekitar. 3. Menjalankan tindakan pewartaan / pengekalan kawasan sensitif alam sekitar. 4. Mengawal kualiti alam sekitar melalui tindakan penguatkuasaan secara berterusan.
35.	Indah Water Konsortium	1. Merancang dan menyelaras penyediaan infrastruktur pembetungan yang cekap dan menyeluruh. 2. Memberi khidmat nasihat teknikal berhubung penyediaan infrastruktur yang berkaitan dengannya kepada pemaju hartanah. 3. Memastikan kualiti alam sekitar terpelihara dan berada pada tahap yang baik.

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
36.	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	1. Memastikan matlamat pembangunan berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembentungan tercapai. 2. Memastikan pengekalan kualiti air dan perkhidmatan pembentungan secara jangka panjang. 3. Merumuskan dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembentungan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan. 4. Menyediakan rancangan kawasan tadahan pembentungan berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembentungan yang baru dan langkah-langkah bagi pembaikan sistem pembentungan sedia ada.
37.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	1. Perancangan dan pelaksanaan pembangunan industri, ekonomi, sosioekonomi, pelaburan, hartanah dan pusat pertumbuhan baru serta bandar baru yang diselaraskan dengan dokumen RT. 2. Pembangunan usahawan Bumiputera.
38.	Northern Corridor Implementation Authority	1. Mengenal pasti dan merancang pembangunan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). 2. Memajukan, merangsang, memudahkan dan meningkatkan daya saing NCER sebagai suatu pusat pertanian, pembuatan, pendidikan, perdagangan, pelaburan dan logistik serta destinasi pelancongan di peringkat antarabangsa dalam usaha membangunkan sosioekonomi wilayah ini.
39.	Malaysian Palm Oil Board	1. Merancang, menyelidik dan membangunkan industri minyak sawit dan kelapa sawit di Malaysia. 2. Menjalankan pemindahan teknologi dan pengkomersialan hasil penyelidikan sawit secara agresif. 3. Menjalin perkongsian yang aktif dalam pembangunan teknologi dan penggunaan bersama sektor swasta dan awam. 4. Memacu usaha ke arah 100% pensijilan Sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia kepada lebih 400,000 pekebun kecil.

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
40.	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)	1. Memodenkan sektor pertanian supaya sistem pengeluarannya cekap, menjimatkan tenaga manusia dan mampu bersaing dengan pasaran dalam dan luar negeri. 2. Membangunkan golongan sasar supaya menjadi masyarakat yang berdisiplin, berdikari, progresif dan bersemangat keusahawanan. 3. Meningkatkan produktiviti dan memaksimumkan pendapatan golongan sasar supaya perbezaan pendapatan dengan sektor-sektor lain dapat dikurangkan. 4. Meningkat purata pengeluaran hasil padi ke tahap 6.5 tan metrik sehektar semusim menjelang tahun 2010.
41.	Lembaga Pertubuhan Peladang	1. Mengadakan perkhidmatan pengembangan dan kemudahan latihan kepada peladang bagi melengkapkan diri mereka dengan teknologi yang perlu bagi memajukan pertanian, perkebunan, penternakan binatang, ekonomi rumah tangga, perniagaan pertanian dan perusahaan komersial yang lain. 2. Meluaskan pengeluaran pertanian di kalangan peladang dan pekebun kecil untuk mencapai kepelbagaian dan pengkomersialan pertanian yang lebih luas serta untuk meluaskan dan memajukan perniagaan pertanian. 3. Mengadakan bekalan ladang dan keperluan harian termasuk kemudahan lain yang dikehendaki bagi perladangan yang progresif dan kehidupan luar bandar yang lebih baik.
42.	Pertubuhan Peladang Kawasan	
43.	Universiti / Kolej Komuniti / Kolej Vokasional	1. Memberi pendedahan dan latihan berterusan kepada belia dan golongan sasar dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka. 2. Perkongsian teknologi dan kepakaran dengan masyarakat dalam sektor-sektor melibatkan pengembangan ekonomi. 3. Menggiatkan kerja-kerja berbentuk pemerkasaan komuniti bagi mewujudkan masyarakat yang berdikari, progresif dan bersemangat keusahawanan.
44.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)	1. Merancang pelaksanaan Pelan Jaringan Digital Negara bersama-sama agensi lain dalam mencapai aspirasa negara dari aspek tahap liputan, kualiti dan jalur lebar berkelajuan tinggi.

sambungan

Jadual 1.7: Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Bil.	Agensi Pelaksana	Peranan dalam Pelaksanaan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)
45.	Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)	1. Membangunkan infrastruktur pemasaran dan sistem rantaian bekalan yang cekap dan berkesan. 2. Membangunkan pemasaran dan peningkatan permintaan hasil pertanian serta makanan dalam dan luar negara. 3. Memacukan keupayaan sumber manusia dalam pemasaran pertanian berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini.
46.	Unit Perancangan Ekonomi Negeri Perak	1. Merancang dan menggubal dasar serta strategi pembangunan negeri dalam sektor-sektor ekonomi yang dikenal pasti dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian). 2. Merancang dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan di di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. 3. Memberi khidmat nasihat berhubung dengan isu-isu ekonomi. 4. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek ekonomi negeri Perak. 5. Memastikan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan diselaraskan secara lebih bersistematik dan efektif.
47.	Kerajaan Negeri	1. Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dalam negeri. 2. Menyediakan kemudahan dan infrastruktur serta persekitaran yang baik untuk kesejahteraan rakyat. 3. Menggubal dasar dan polisi di peringkat negeri bagi mencapai matlamat, aspirasi dan hala tuju pembangunan negeri. 4. Mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang.
48.	Pemaju Hartanah	1. Membangunkan tanah dengan tidak bercanggah dengan rancangan pembangunan. 2. Mematuhi dasar, polisi dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa seperti penyediaan perumahan kos mampu milik. 3. Bersama-sama menerapkan konsep pembangunan yang mampan dan lestari untuk kesejahteraan sejagat. 4. Bekerjasama dengan sektor awam bagi merealisasikan cadangan-cadangan pembangunan yang telah dirangka. 5. Memainkan peranan dalam mengawal kualiti alam sekitar dari pencemaran dan bencada dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan agensi teknikal.
49.	Pemilik Tanah	
50.	Pihak Swasta	

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

1.6.3 INDIKATOR DAN SASARAN PENCAPAIAN PROJEK DAN PROGRAM PEMBANGUNAN

Indikator dan sasaran pencapaian projek dan program pembangunan adalah bertujuan bagi memudahkan pemantauan dan pengukuran pencapaian projek. Cadangan indikator serta sasaran pencapaian bagi setiap cadangan projek dan program pembangunan bagi RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) adalah seperti di **Jadual 1.8**. Selain indikator dan sasaran, yang disenaraikan, sasaran pembangunan juga perlulah mengambilkira pencapaian kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan konsep pembangunan pintar.

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
TERAS 1 : GUNA TANAH DAN ALAM SEKITAR HILIR PERAK MAMPAN			
Projek Utama Teras 1			
T1-U1	Pengukuhan Hierarki Petempatan	Pencapaian menjalankan fungsi petempatan	1. Bandar Utama : Teluk Intan 2. Bandar Tempatan : Langkap 3. Pekan : Chenderong Balai, Degong, Chikus dan Changkat Jong
T1-U2	Pewartaan Sempadan Pertumbuhan Bandar dan Pekan	Status pewartaan	1. Pewartaan sempadan bandar dan pekan bagi memudahkan perancangan dan kawal selia pembangunan. 2. Peningkatan 30% kawasan tepu bina dalam sempadan bandar dan 20% dalam sempadan pekan berbanding tahun 2020.
T1-U3	Pengukuhan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa	Peningkatan keupayaan pekan sedia ada dan yang berpotensi melalui tambahan komponen pembangunan	Peningkatan jumlah komponen pembangunan dibangunkan di kawasan pecan
T1-U4 F	Pusat Pentadbiran Daerah Hilir Perak	Pembangunan pusat pentadbiran daerah	Kawasan pusat pentadbiran daerah siap dibangunkan sepenuhnya menjelang 2035.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T1-U5 F	Pembangunan Kawasan Sekitar Lebuhraya Pantai Barat (WCE)	Pembangunan terancang	1. Pembangunan kawasan sekitar Lebuhraya Pantai Barat secara terancang dengan komponen seperti perumahan terancang, komersial dan industri. 2. Peningkatan pelaburan swasta. 3. Peningkatan kawasan tepu bina dalam kawasan Permatang Guntung.
T1-U6 F	Pembangunan Semula Sungai Perak Sekitar Bandar Teluk Intan	Peningkatan fizikal	1. Pembangunan fizikal di Sungai Perak sekitar Bandar Teluk Intan merangkumi pembangunan landskap kejur, landskap lembut, asset bangunan sejarah dan industri tepian sungai.
Projek Sokongan Teras 1			
T1-S1	Penyediaan Pintu Masuk Daerah dan Bandar	Pintu masuk daerah dan bandar	Penyediaan pintu gerbang di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti bagi mewujudkan unsur '*sense of welcoming*'.
T1-S2	Pengukuhan Imej Warisan Bandar	Peningkatan imej warisan	1. Pembangunan ikonik sejarah bandar Teluk Intan. 2. Pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan. 3. 'Lorong Sejarah'.
T1-S3	Penambahbaikan Landskap Bandar	Peningkatan imej bandar	1. Pemerkasaan laluan utama / protokol bandar dengan lebih menonjol. 2. Pembaikan / naik taraf laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal yang selamat dan selesa di pusat bandar. 3. Pembentukan reka bentuk perabot jalan dan landskap lembut di pusat bandar yang unik dan seragam.
T1-S4	Pemerkasaan Kualiti Alam Sekitar	Pengawasan kualiti alam sekitar	1. Pengwujudan stesen pemantauan kualiti alam sekitar. 2. Penambahbaikan sistem pemantauan menggunakan pemantauan secara digital. 3. Penaiktarafan kemudahan infrastruktur kawalan alam sekitar. 4. Peningkatan kualiti alam sekitar di seluruh daerah.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T1-S5	Pemeliharaan dan Pemuliharaan KSAS	1. Pewartaan dan pengekalan KSAS 2. Pewartaan rizab sungai	1. Pewartaan dan pengekalan kawasan jelapang padi di Labu Kubong dan Sungai Manik. 2. Pewartaan Pulau Bangau dan kawasan sekitarnya sebagai HSK. 3. Pewartaan rizab sungai sepanjang sungai-sungai utama di Sungai Perak, Sungai Bidor, Sungai Batang Padang dan Sungai Sungkai.
T1-S5	Memajukan dan Memperkasakan Sektor Mineral Secara Mampan	1. Keselamatan 2. Ekonomi 3. Kecekapan 4. Alam Sekitar	1. Operasi kuari berjalan dengan selamat. 2. Menjana keuntungan dan hasil berterusan. 3. Penggunaan teknologi terkini dalam mengekstrak sumber mineral bagi meningkatkan kecekapan operasi. 4. Operasi kuari tidak menjejaskan alam sekitar.
TERAS 2 : EKONOMI HILIR PERAK BERDAYA SAING			
Projek Utama Teras 2			
T2-U1	Pembangunan Zon Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan	Tahap pembangunan kawasan integrasi agrokomoditi dan agromakanan	Kawasan integrasi agrokomoditi dan agromakanan (bukan padi) meliputi 30% daripada jumlah kawasan pertanian
T2-U2	Perluasan Kawasan Jelapang Padi	Tahap perluasan kawasan jelapang padi IADA Seberang Perak dan peningkatan hasil	Perluasan kawasan jelapang padi IADA Seberang Perak meliputi kawasan padi di Changkat Jong seterusnya dapat menyumbang sekurang-kurangnya 8% daripada jumlah pengeluaran padi jelapang padi negara menjelang 2035.
T2-U3	Penubuhan Mini Estet Padi	Tahap pengusahaan secara sistem mini estet padi	Perluasan kawasan jelapang padi IADA Sungai Manik dan Labu Kubong diusahakan mengikut sistem mini estet padi sekurang-kurangnya 50%.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T2-U4	Perluasan Kawasan Perniagaan Baharu	Pembangunan kawasan perniagaan terancang	Penyediaan tapak perniagaan baharu seluas:- 1. 0.97 hektar di BP1 2. 11.23 hektar di BP2 3. 2.92 hektar di BP4
T2-U5 F	Cadangan Taman Perindustrian dan Sains Makanan Nova Scottia	Tapak perindustrian terancang	Pembangunan kawasan industri terancang baru seluas 715 hektar dengan kemudahan infrastruktur asas, utiliti dan jalur lebar berkelajuan tinggi di bandar Teluk Intan.
T2-U6	Cadangan Taman Perindustrian Baharu	Tapak perindustrian terancang	Pembangunan kawasan industri terancang baru seluas 162 hektar di lokasi strategik dengan kemudahan infrastruktur asas, utiliti dan jalur lebar berkelajuan tinggi di bandar Langkap dan pekan Changkat Jong.
T2-U7	Penyediaan Pakej dan Komponen Pelancongan	Peningkatan pembangunan produk dan pakej pelancongan	Peningkatan jumlah kemasukan pelancong sebanyak 50%.
T2-U8	Pemerkasaan Ekonomi Desa	Peningkatan kepelbagaian aktiviti ekonomi desa	1. Peningkatan jumlah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) terancang. 2. Peningkatan jumlah pembangunan Pusat Komuniti Desa (PKD). 3. Peningkatan jumlah pembangunan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP).
T2-U9	Membangunkan Zon Industri Akuakultur (ZIA)	Pembangunan aktiviti akuakultur di zon yang ditetapkan	Peningkatan aktiviti dan nilai pengeluaran sektor akuakultur

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
Projek Sokongan Teras 2			
T2-S1	Menggalakkan Penglibatan Agroprenuer Muda	Tahap penglibatan golongan muda di dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan secara komersial	40% daripada jumlah kohort umur golongan terlibat di dalam sektor primer terdiri daripada golongan belia.
T2-S2	Mewujudkan Integrasi Pelancongan-Perikanan Sungai	Taraf pendapatan nelayan sungai	100% nelayan sungai terkeluar daripada kumpulan B40 melalui penglibatan di dalam integrasi sektor pelancongan-perikanan sungai.
T2-S3	Perluasan Kawasan TKPM Degong	Perluasan kawasan TKPM	Peningkatan kuantiti / nilai pengeluaran hasil pertanian.
T2-S4	Penggalakkan Program Pertanian Bandar dan Bumi Hijau	Tahap penglibatan individu dan komuniti dalam amalan Pertanian Bandar dan Bumi Hijau	10,000 individu dan 50 komuniti terlibat di dalam program.
T2-S5	Perluasan Persijilan Mampan Kelapa Sawit	Tahap pemilikan persijilan MSPO di kalangan pekebun kecil kelapa sawit	Persijilan MSPO pekebun kecil daerah Hilir Perak mencapai 100%.
T2-S6	Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang	Pembangunan semula deretan rumah kedai lama yang usang	Pembangunan semula dengan komponen bangunan kedai pejabat 4 tingkat dan kompleks perniagaan dengan kemudahan infrastruktur sokongan serba lengkap.
T2-S7	Pembinaan Pusat Penjaja Terancang	Tapak pusat penjaja terancang	Pembangunan tapak penjaja terancang baharu meliputi kemudahan medan selera, arked peniaga kecil, tapak pasar malam, pasar tani dan `*food truck*' di BP1 : 2.14 hektar, BP2 : 7.87 hektar dan BP4 : 2.07 hektar.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
TERAS 3 : PERSEKITARAN HIDUP HILIR PERAK BERKUALITI			
Projek Utama Teras 3			
T3-U1	Penaiktarafan Jalan –Jalan Utama	Penaiktarafan bilangan lorong jalan-jalan utama yang berkenaan	1. Penaiktaran jalan satu lorong kepada dua lorong bagi meningkatkan keupayaan trafik terutama pada waktu puncak serta pelebaran jalan sedia ada. 2. Penyelenggaraan jalan rosak dan pencahayaan bagi jalan gelap.
T3-U2	Pembinaan Jalan-Jalan Baharu	Pembinaan jalan baru	Pembinaan cadangan 4 jalan baru disiapkan menjelang 2035.
T3-U3 F	Pembinaan Jalan Lingkaran (*Ring Road*) Teluk Intan	Pembinaan jalan baru	Pembinaan *Ring-Road* (Jalan Lingkaran) Bandar Teluk Intan menjelang 2030.
T3-U4 F	Pengurusan Banjir, Hakisan dan Sistem Saliran Bandar	Tahap pelaksanaan cadangan dan projek pengurusan banjir	1. Pewartaan lot - lot di tepi sungai sebagai rizab sungai. 2. Penaiktarafan ban banjir, jambatan serta infrastruktur pengairan di Hilir Perak. 3. Pelaksanaan cadangan – cadangan JPS dalam RMK-11 4. Kejadian banjir dapat dikurangkan.
T3-U5	Peningkatan Tahap Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Teknologi Hijau	Peningkatan tahap pengurusan sisa pepejal	1. Penyediaan satu tapak pemindahan sementara di Perak Selatan. 2. Pemulihan bagi tapak pelupusan sampah di Batu 12 dan dapat diguna semula sebagai kawasan rekreasi. 3. Peningkatan kadar kitar semula sekurang-kurangnya 30%.
T3-U6	Menggalakkan Pembangunan Bandar Pintar (*Smart City*)	Pembangunan elemen-elemen atau komponen bandar pintar.	1. Pentadbiran dan pengurusan bandar semakin cekap 2. Pelbagai isu urbanisasi dapat diselesaikan / diuruskan dengan baik. 3. Kualiti hidup di bandar dapat ditingkatkan

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
Projek Sokongan Teras 3			
T3-S1	Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki dan Penyediaan Laluan Basikal	Tahap kemudahan laluan pejalan kaki dan basikal di bandar Teluk Intan dan Langkap	Penaiktarafan kemudahan laluan pejalan kaki, lintasan di jalan, persekitaran laluan, laluan khas basikal, tanda kawalan dan tempat letak basikal serta ruang awam.
T3-S2	Penggunaan Sistem Kawalan Lalu Lintas Bersepadu Pintar (TCSS)	Pembangunan dan penggunapakaian sistem	Penggunaan ITS di seluruh kawasan pusat bandar dan kawasan komersial utama.
T3-S3	Penggunaan *Parking Violation System*	Pembangunan dan penggunapakaian sistem	Pemasangan dan penggunaan '*Parking Violation System*' di pusat bandar Teluk Intan dan Bandar Baru Teluk Intan
T3-S4	Penyediaan Laluan Perkhidmatan Bas Perantara	Cadangan laluan berserta perkhidmatan	Penetapan dan pelaksanaan laluan perkhidmatan bas perantara di Daerah Hilir Perak.
T3-S5	Penambahbaikan Perkhidmatan Bas Henti-Henti	Penambahbaikan perkhidmatan bas henti-henti	1. Perkhidmatan bas yang selamat dan efisien 2. Tahap penggunaan dapat ditingkatkan.
T3-S6	Pengukuhan Rangkaian Perhubungan Bandar - Desa	Perluasan liputan perkhidmatan bas henti-henti	Pertambahan kawasan kampung yang disediakan perkhidmatan bas henti-henti.
T3-S7	Pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu	Tapak Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu	Satu Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu dibangunkan di daerah Hilir Perak.
T3-S8	Pembinaan Baru Jeti Bot Penambang	Tahap penaiktarafan jeti	Penaiktarafan Jeti Bot Penambang Pokok Asam dan Jeti Bot Penambang Kampung Cina bagi mewujudkan kemudahan pengangkutan air yang selamat dan selesa.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T3-S9	Perluasan Rangkaian Talian dan Peningkatan Kadar Penembusan Sistem Maklumat, Telekomunikasi dan ICT	Tahap peningkatan sistem maklumat, telekomunikasi dan ICT	1. Peningkatan liputan internet di seluruh Hilir Perak menjelang tahun 2025. 2. Peningkatan peratus penggunaan jalur lebar 100% menjelang 2035.
T3-S10	Pelaksanaan Sistem Agihan Bekalan Air Sempurna dan Liputan Menyeluruh	Tahap penaiktarafan sistem agihan bekalan air	1. Penggantian semua paip usang dalam daerah Hilir Perak secara berperingkat. 2. Pewartaan kolam tadahan air di Changkat Jong. 3. Kadar *Non Revenue Water* (NRW) dapat dikurangkan kepada 20%
T3-S11	Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Mencukupi	Tahap kecekapan perkhidmatan bekalan elektrik	1. Peningkatan kapasiti PMU sedia ada. 2. Pembinaan PMU baru seiring dengan pertambahan permintaan bekalan. 3. Kecekapan bekalan elektrik dipertingkatkan dan memenuhi permintaan.
T3-S12	Penaiktarafan Sistem Kumbahan	Tahap penaiktarafan sistem kumbahan	1. Peningkatan penggunaan *Centralised Sewage Treatment Plant* (CSTP) di kawasan kepadatan tinggi. 2. Peningkatan peratusan penduduk yang mendapat khidmat loji rawatan kumbahan moden.
TERAS 4 : KOMUNITI HILIR PERAK SIHAT SEJAHTERA			
Projek Utama Teras 4			
T4-U1	Penyediaan Perumahan Berkualiti Mampu Milik Bagi Golongan B40	Tahap pemilikan rumah dalam kumpulan B40	Sasaran sekurang-kurangnya 50% daripada kumpulan B40 di daerah Hilir Perak mampu memiliki rumah sendiri.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T4-U2	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sebagai Pusat Perkhidmatan Desa	Peningkatan keupayaan PPD sebagai Pusat Perkhidmatan Desa	Pertambahan komponen pembangunan di kesemua PPD merangkumi komponen ekonomi, prasarana, pusat perkhidmatan dan pembangunan manusia.
Projek Sokongan Teras 4			
T4-S1	Penempatan Semula Perumahan Setinggan	Tahap pemilikan rumah oleh penduduk setinggan	Setinggan sifar menjelang tahun 2035.
T4-S2	Pembangunan Perumahan Inovatif dan Kejiranan Hijau	Pembangunan perumahan baru menggunakan konsep pembangunan hijau.	Sasaran sekurang-kurangnya 40% pembangunan perumahan baru mengaplikasikan konsep pembangunan hijau.
T4-S3	Pengukuhan Karakter Petempatan	Kawalan rebakan pembangunan ke petempatan desa	1. Setiap kampung mempunyai mercu tanda dan maklumat sempadan kampung yang jelas. 2. Pengekalan kawasan pertanian dalam kampung.
T4-S4	Peningkatan Kualiti Perumahan dan Persekitaran Desa	Tahap kualiti perumahan desa	Peratusan rumah usang Tahap 1, 2 dan 3 berjaya diturunkan
T4-S5	Pewartaan Kampung Orang Asli	Status pewartaan	Pewartaan lima buah kampung Orang Asli dalam daerah Hilir Perak.
T4-S6	Peningkatan Tahap Infrastruktur Kampung Sungai Chawang	Tahap penyediaan infrastruktur	1. Jalan berturap dan akses kepada bekalan air terawat. 2. Penaiktarafan liputan telekomunikasi, pengurusan sisa pepejal, pengurusan sistem pembentungan dan pengangkutan awam.
T4-S7	Penyediaan Pelan Pembangunan Kampung Sungai Rambai	Pelan pembangunan	Pelan Pembangunan Kampung Sungai Rambai siap disediakan.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T4-S8	Penyediaan Rumah PPRT dan PBR Kepada Masyarakat Orang Asli	Tahap penyediaan perumahan PPRT / PBR kepada Orang Asli	Tambahan 50 unit PPRT / PBR kepada Orang Asli.
T4-S9	Pengukuhan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Desa Orang Asli	Tahap pembangunan ekonomi dan sosial desa Orang Asli	1. Peningkatan jumlah penglibatan NGO, universiti dan syarikat korporat terlibat dalam pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Orang Asli. 2. Lebih 80% masyarakat Orang Asli berkhidmat dalam sektor selain daripada pertanian.
T4-S10	Pembinaan Sekolah Baharu	Tambahan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah	1. Dua buah sekolah menengah baharu di mukim Changkat Jong. 2. Dua buah sekolah menengah baharu di mukim Durian Sebatang. 3. Tambahan 6 buah sekolah rendah di mukim Durian Sebatang.
T4-S11	Pembinaan Klinik Kesihatan dan Klinik Desa Baharu	Tambahan Klinik Kesihatan Dan Klinik Desa	1. Sebuah Klinik Kesihatan baharu di mukim Durian Sebatang. 2. Dua buah Klinik Desa baharu di mukim Changkat Jong 3. Dua buah Klinik Desa baharu di mukim Labu Kubong.
T4-S12	Peningkatan Kemudahan Keselamatan (Balai Bomba dan Penyelamat)	Peningkatan tahap kemudahan keselamatan (Balai Bomba dan Penyelamat)	1. Penaiktarafan Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan dari Kategori C ke Kategori B. 2. Pembinaan sebuah Balai Bomba dan Penyelamat kategori C yang baharu di bandar Langkap.

sambungan

Jadual 1.8: Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencapaian Projek / Program Pembangunan RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kod	Projek / Program Pembangunan	Indikator Pemantauan	Sasaran Pencapaian
T4-S13	Pembangunan Kemudahan Awam dan Komuniti	Tambahan dewan serbaguna	1. Pembinaan tiga buah dewan serba guna di mukim Durian Sebatang 2. Pembinaan sebuah dewan serbaguna di mukim Changkat Jong.
T4-S14	Pengukuhan Kemudahan Perpustakaan Awam	1. Naik taraf Perpustakaan Awam sedia ada 2. Penyediaan tambahan sebuah Perpustakaan Desa	1. Perpustakaan Awam Teluk Intan dinaik taraf kepada perpustakaan awam ICT. 2. Pembinaan sebuah perpustakaan desa berteraskan ICT di mukim Changkat Jong.

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

Nota : F - *Projek Flagship*

1.7 HASIL PENDAPATAN KEPADA PBT

1.7.1 CAJ PEMAJUAN

Caj pemajuan di negeri Perak adalah antara yang terendah iaitu hanya 10% berbanding dengan beberapa negeri lain di Malaysia seperti Pulau Pinang (15%), Selangor (30%) dan Johor Bahru (25%). Ini bertujuan menggalakkan kemasukan pelaburan secara berterusan ke negeri Perak dalam menggalakkan pembangunan negeri. RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) ini mencadangkan caj pemajuan yang dikenakan adalah 10% sebagaimana peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013 yang telah diwarta pada 29hb Disember 2014. Pengiraan kadar caj pemajuan diperincikan dalam **Jadual 1.9.**

Jadual 1.9: Pengiraan Kadar Caj Pemajuan Bagi RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Kadar Caj Pemajuan	Jenis Caj Pembangunan	Contoh Pengiraan
10% x Kenaikan Nilai Tanah	**Perubahan Penggunaan Tanah**	Perubahan penggunaan tanah dengan adanya rancangan tempatan Nilai tanah berdasarkan penggunaan dalam hakmilik : RM *w* Nilai tanah berdasarkan cadangan pemajuan dalam RT : RM *x* Kenaikan nilai tanah : RM *x* – RM *w* = RM *y* Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar : 10% x RM *y* = RM *z* i. Secara Sekaligus : RM *z* ii. Secara Ansuran : RM *z* + bunga
	*** Perubahan Ketumpatan**	Perubahan ketumpatan dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan (RT)
	*** Perubahan Luas Lantai**	Perubahan luas lantai dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan (RT)

Sumber : Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013.
*Nota : * Melibatkan pengubahan RT.*

Jadual 1.10 menunjukkan anggaran jumlah caj pemajuan yang akan diperoleh disebabkan oleh perubahan guna tanah dengan adanya RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) ini. Daripada pengiraan, kutipan yang berpotensi diperolehi oleh MPTI adalah dianggarkan sebanyak RM89.9 juta dengan perubahan guna tanah daripada pertanian kepada pembangunan perumahan, komersial dan perindustrian.

Jadual 1.10: Anggaran Jumlah Caj Pemajuan Yang Akan Diperoleh Dengan Perubahan Penggunaan Tanah

Guna Tanah Semasa	Guna Tanah RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)	Peningkatan Keluasan (kaki persegi) *(a)*	Nilai Tanah per kaki persegi (RM)		Jumlah Nilai Tanah (RM Juta)		Kenaikan Nilai Tanah (RM Juta) *(e) – (d) = (f)*	Jumlah Caj Pemajuan (RM Juta) *10% x (f)*
			Sebelum *(b)*	Selepas *(c)*	Sebelum *(a) × (b) = (d)*	Selepas *(a) × (c) = (e)*		
Pertanian	Perumahan	402,032,039	2.3	3.7	924.7	1,487.5	562.8	56.3
	Komersial	10,471,131.6	2.3	4.13	24.1	43.2	19.1	1.9
	Perindustrian	187,937,869	2.3	4.13	432.3	776.2	343.9	34.4
Jumlah Keseluruhan					**1,381.1**	**2,306.9**	**898.9**	**92.6**

Sumber : Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) dan MPTI, 2020.
**Nota : Berdasarkan nilai pasaran hartanah semasa, harga tanah pertanian di daerah Hilir Perak.*

1.7.2 CUKAI TAKSIRAN

Hasil cukai merupakan sebahagian daripada hasil tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta dalam kawasan pentadbiran PBT. Kategori pegangan harta meliputi kediaman, komersial, perindustrian, pertanian dan tanah kosong. Melalui penambahan keluasan zoning dalam RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) bagi kawasan perumahan, komersial dan perindustrian, jumlah pegangan harta dan cukai taksiran dijangka turut meningkat. **Jadual 1.11** menunjukkan anggaran keluasan kawasan dibina berdasarkan kepada keluasan zoning RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian).

Jadual 1.11: Anggaran Keluasan Kawasan Dibina (Kaki Persegi)

Kategori Pegangan	Anggaran Keluasan Kawasan Dibina (kaki persegi)	Keluasan Kawasan Dibina (kaki persegi)		
		Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
Perumahan	180,914,417.60	18,091,441.76	54,274,325.27	90,457,208.78
Komersial	12,565,357.92	1,256,535.792	3,769,607.376	6,282,678.96
Perindustrian	112,762,721.40	11,276,272.14	33,828,816.42	56,381,360.7
Jumlah Keseluruhan	**306,242,496.90**	**30,624,249.69**	**91,872,749.06**	**153,121,248.4**

Sumber : Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.
Nota : (i) Bagi perumahan, keluasan purata digunakan adalah 1000 kaki persegi per unit , dengan kepadatan 20 unit per ekar.
(ii) Bagi komersial, keluasan purata digunakan adalah 1400 kaki persegi per unit, dengan ketinggian 2 tingkat. 60% plinth area daripada jumlah keluasan.
(iii) Bagi perindustrian, keluasan purata digunakan adalah 1600 kaki persegi per unit, dengan ketinggian 1 tingkat. 60% plinth area daripada jumlah keluasan.

Jadual 1.12 hingga **Jadual 1.13** menunjukkan anggaran jumlah cukai taksiran yang akan diperoleh berdasarkan anggaran keluasan kawasan dibina. Kutipan cukai taksiran tertinggi yang dijangka akan diperoleh adalah daripada perindustrian

Jadual 1.12: Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 1 (Tahun 2022 - 2025)

Kategori Pegangan	Keluasan Kawasan Dibina (kaki persegi) *(a)*	Nilai Sewa per kaki persegi (RM) *(b)*	Kadar Cukai Taksiran (%) *(c)*	Anggaran Cukai Taksiran (RM) *[(a) × (b)] × (c)*
Perumahan	18,091,441.76	0.62	8.5	9,534,189.808
Komersial	1,256,535.792	0.71	11.5	1,025,961.474
Perindustrian	11,276,272.14	0.58	12.5	8,175,297.302
Jumlah Keseluruhan				**18,735,448.58**

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

Jadual 1.13: Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 2 (Tahun 2026 - 2030)

Kategori Pegangan	Keluasan Kawasan Dibina (kaki persegi) *(a)*	Nilai Sewa per kaki persegi (RM) *(b)*	Kadar Cukai Taksiran (%) *(c)*	Anggaran Cukai Taksiran (RM) *[(a) × (b)] × (c)*
Perumahan	54,274,325.27	0.62	8.5	28,602,569.42
Komersial	3,769,607.376	0.71	11.5	3,077,884.423
Perindustrian	33,828,816.42	0.58	12.5	24,525,891.9
Jumlah Keseluruhan				**56,206,345.74**

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.

Jadual 1.14: Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 3 (Tahun 2031 - 2035)

Kategori Pegangan	Keluasan Kawasan Dibina (kaki persegi) *(a)*	Nilai Sewa per kaki persegi (RM) *(b)*	Kadar Cukai Taksiran (%) *(c)*	Anggaran Cukai Taksiran (RM) *[(a) × (b)] × (c)*
Perumahan	90,457,208.78	0.62	8.5	47,670,949.03
Komersial	6,282,678.96	0.71	11.5	5,129,807.371
Perindustrian	56,381,360.7	0.58	12.5	40,876,486.51
Jumlah Keseluruhan				**93,677,242.91**

Sumber: Kajian RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian), 2020.



2

SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

Mengandungi pangkalan data geospatial projek bagi memudahkan penghasilan analisis dan peta cadangan mengikut Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0.

2.1 PENGENALAN

Sistem Maklumat Geografi (GIS) diperlukan oleh PLAN Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurus maklumat perancangan dengan mudah. Maklumat-maklumat yang dikumpul dalam kajian ini distrukturkan dalam satu pangkalan data yang ditentukan pada peringkat awal kajian. Kesemua maklumat tersebut adalah berpandukan kepada Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 yang disediakan oleh Bahagian Maklumat dan Gunatanah Negara (BMGN).

Dengan adanya struktur pangkalan data yang efektif dan sistematik, analisis dan cadangan berbentuk spatial dapat dijalankan dengan lebih tepat dan informatif supaya proses membuat keputusan dapat dilakukan dengan bijaksana. Ini secara tidak langsung memberi kefahaman kepada pembuat keputusan dalam mempertimbang kepentingan dan keperluan dalam proses membuat keputusan.

Di akhir pembangunan GIS, akan terhasil satu pangkalan data bagi Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) yang bukan sahaja menghimpunkan data-data semasa dan cadangan, bahkan turut meliputi output analisis bagi membolehkan persembahan data yang informatif dan berkesan. Fokus penggunaan adalah untuk PLAN Malaysia, PLANMalaysia@Perak dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI).

2.2 OBJEKTIF

Objektif perlaksanaannya adalah membangunkan pangkalan data GIS dalam membantu penyediaan peringkat Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Berikut adalah skop utama yang terlibat dalam peringkat kajian ini:

i. Membangunkan pangkalan data geospatial projek bagi memudahkan penghasilan analisis dan peta cadangan.
ii. Memastikan pematuhan dan penyeragaman dalam penyediaan pangkalan data, struktur data, klasifikasi gunatanah dan kod warna mengikut manual terkini yang disediakan oleh BMGN iaitu Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0.
iii. Menyeragamkan organisasi penyimpanan data mengikut Manual GIS terkini yang disediakan oleh BMGN.
iv. Membantu menyokong sektoran kajian dalam penyediaan data dan analisis mengikut kehendak dan keperluan projek.
v. Menyediakan pelan, peta asas serta analisis yang bersesuaian dengan keperluan projek di pelbagai peringkat laporan.

2.3 KEPENTINGAN PEMBANGUNAN GIS

Sejajar dengan fokus pembangunan negara, sistem teknologi maklumat merupakan elemen wajib bagi PLAN Malaysia dan MPTI. Pembangunan GIS penting bagi menggalakkan perkongsian maklumat spatial yang tepat diantara jabatan-jabatan kerajaan.

Sistem pangkalan data yang disediakan berdasarkan Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0. Manual ini memudahkan kerja-kerja pengemaskinian data secara berterusan samada di peringkat RKK, RT, RS hingga ke rancangan pemajuan di peringkat nasional yang meliputi RFN, DPN dan DPF Desa Negara.

Selain itu, pembangunan GIS yang seragam memudahkan pengumpulan maklumat baru dan penyimpanan pangkalan data dengan efektif. Carian spatial pula lebih mudah dilakukan melalui fungsi *query* dari satu pangkalan data yang tersusun. Secara langsung, capaian maklumat akan lebih berkesan bagi menyokong keputusan berkaitan perancangan fizikal.

2.4 KAEDAH PELAKSANAAN KERJA


Secara terperinci, proses perlaksanaan ini dibahagikan kepada lima peringkat kerja utama yang diperlukan di peringkat Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian). Setiap peringkat ini pula akan dilaksanakan mengikut aliran tugasan. **Rajah 2.1** menunjukkan carta alir proses kerja yang akan dilaksanakan dalam peringkat Draf Awal ini.

Rajah 2.1 : Proses Perlaksanaan Peringkat Draf RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

1 Kajian Awalan	➢ Kenal pasti kajian. ➢ Penentuan hasil output mengikut sektoral dan cadangan.
2 Pengumpulan Data	➢ Pengumpulan data spatial dan non-spatial.
3 Pembangunan Data	➢ Pembangunan pangkalan data. ➢ Melaksanakan pendigitalan dan kemasukan data. ➢ Melaksanakan penyeragaman struktur data.
4 Analisis Data	➢ Penentuan jenis analisis mengikut cadangan. ➢ Penilaian berdasarkan analisis data.
5 Hasil / Output	➢ Penghasilan pelan analisis dan cadangan. ➢ Penghasilan peta cadangan guna tanah 2035 mengikut Blok Perancangan dan Blok Perancangan Kecil. ➢ Penghasilan pelan intensiti pembangunan.

2.4.1 PENETAPAN KAWASAN KAJIAN

Daerah Hilir Perak terletak di Wilayah Perak Selatan bersempadanan dengan daerah Bagan Datuk, Perak Tengah dan Batang Padang. **Rajah 2.2** menunjukkan terdapat 5 Blok Perancangan (BP) dan 13 Blok Perancangan Kecil (BPK) bagi bagi penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian).



RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HILIR PERAK 2035 (PENGGANTIAN)

Pelan Lokasi
Skala Pelan 1 : 2,500,000

Sempadan Blok Perancangan Kecil (BPK) :

- BPK 1.1 : Bandar Teluk Intan
- BPK 1.2 : Nova Scottia
- BPK 1.3 : Durian Sebatang Selatan
- BPK 1.4 : Durian Sebatang Timur
- BPK 1.5 : Sungai Tungku
- BPK 2.1 : Bandar Langkap
- BPK 2.2 : Degong
- BPK 2.3 : Chui Chak
- BPK 2.4 : Changkat Jong
- BP 3 : Sungai Manik
- BPK 4.1 : Chenderong Balai
- BPK 4.2 : Labu Kubong
- BPK 5.1 : Sungai Durian
- BPK 5.2 : Permatang Guntung

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Utara Selatan
- Lebuhraya Pantai Barat (WCE)
- Cadangan Jalan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Rel
- Sungai Utama
- Sempadan Daerah Hilir Perak
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Skala Pelan 1 : 220,000
0 1.25 2.5 5 7.5 Kilometers

Sumber :
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)

Rajah 2.2:
Pembahagian Blok Perancangan Kecil Mengikut Mukim di Daerah Hilir Perak

2.4.2 PENGUMPULAN DATA

Pada peringkat awal penyediaan, data-data GIS telah dikenal pasti melalui perbincangan dan penyenaraian data berdasarkan keperluan penyediaan di peringkat Laporan Awal, Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan serta perbincangan dalam kumpulan sasar (FGD). Data GIS yang diwujudkan berperanan menyediakan satu sistem maklumat yang menyeluruh menerusi pangkalan data spatial yang dibangunkan di samping menyediakan *tool* dalam menghasilkan Peta Cadangan Zon Guna Tanah di peringkat penyediaan Draf Rancangan Tempatan. Kerja pengumpulan data ini terbahagi kepada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder.

Langkah seterusnya mengenalpasti sumber perolehan data mengikut fungsi agensi atau jabatan dan juga jenis fitur data yang tersedia. Ianya amat penting dalam memastikan kehendak dan keperluan di peringkat Draf Rancangan Tempatan dipatuhi. Data ini boleh dikategori kepada dua jenis iaitu data spatial (ruang) dan data *non-spatia*l seperti **Jadual 2.1**.



Data Primer

Data primer melibatkan lawatan dan inventori tapak oleh pasukan kerja dalam mencerap maklumat di lapangan. Aktiviti lapangan yang dijalankan melibatkan ciri-ciri fizikal tapak serta isu di tapak berkenaan. Hasil pengukuran sebenar dipindahkan ke dalam bentuk pelan dengan mengenal pasti kedudukan sebenar lot dan aktiviti guna tanah.

Data Sekunder



Data sekunder melibatkan pengumpulan maklumat yang diperoleh daripada PBT dan agensi yang terlibat bagi mendapatkan keperluan cadangan dan perancangan pembangunan fizikal, ekonomi, sosial, alam sekitar serta infrastruktur dan utiliti hingga ke tahun 2035.

Jadual 2.1: Jenis dan Format Data Dalam Pengumpulan Data

Bil.	Jenis Data	Fitur	Contoh Format Perolehan
1.	Data spatial	Data digital *vector*	AutoCAD, MapInfo, Shapefile dan kml.
2.	Data *non-spatial*	Cetakan keras (*hardcopy*)	Peta-peta bercetak
3.	Data *attribute*	Tabular	Maklumat-maklumat lain berbentuk rajah, laporan dan tabular sama ada digital (Excel, Dbase, dan lain-lain) atau cetakan

2.5 PEMBENTUKKAN PANGKALAN DATA GIS


Secara terperinci, proses pembentukan pangkalan data ini dibahagikan kepada tiga peringkat kerja utama di peringkat Laporan Draf Rancangan Tempatan. Setiap peringkat ini pula akan dilaksanakan mengikut aliran tugasan. Berikut menunjukkan carta alir proses kerja yang akan dilaksanakan dalam peringkat ini.



2.5.1 PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA

Data-data yang dikumpulkan adalah berkait dengan senarai cadangan yang telah ditetapkan bagi penyediaan Draf Rancangan Tempatan. Data-data ini dimasuk dan diseragamkan ke dalam pangkalan data GIS yang telah dibentuk melalui beberapa kaedah dan mengikut jenis data perolehan. Asas pembentukkan pangkalan data GIS ini mengunakan Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 dari Bahagian Maklumat Gunatanah, PLAN Malaysia. Perisian yang digunakan untuk tujuan kemasukan dan pengolahan data adalah ArcGIS 10.5 manakala unjuran yang digunapakai untuk pangkalan data ini adalah GDM2000 State Cassini Perak. Berikut adalah model dan struktur pangkalan data GIS bagi Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) yang telah dibangunkan mengikut piawaian manual.

Rajah 2.3: Model Pangkalan Data Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)



Satu lapisan data utama dibentuk dari data-data yang ada di dalam pangkalan data ini yang menyimpan maklumat-maklumat spatial dan *non-spatial* bagi setiap cadangan. Lapisan data ini membolehkan pengguna mendapatkan maklumat semasa dan maklumat hasil cadangan secara pantas. Maklumat ini akan digunakan dalam menyokong di peringkat Draf Rancangan Tempatan kelak.

2.5.2 MELAKSANAKAN PENDIGITALAN DAN KEMASUKAN DATA

Data-data perolehan bagi tujuan cadangan di peringkat Draf Rancangan Tempatan yang telah dikumpul dari pelbagai sumber akan melalui proses kemasukan dan penyelarasan. Perisian GIS yang akan digunakan bagi melaksanakan tugasan ini adalah ArcGIS 10.5, QGIS 3.10 dan MapInfo 12. Ini kerana terdapat kelebihan pada perisian yang digunakan disamping ianya memenuhi standard format yang diperlukan oleh Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN), PLANMalaysia.


Beberapa cara kemasukan data akan bergantung kepada perolehan data atau kesediaan data tersebut. Suntingan dan verifikasi data juga akan dilaksanakan bagi memastikan kelengkapan dan ketepatan maklumat *attribute* serta data spatial tersebut. Keseragaman maklumat akan diutamakan bagi memastikan wujudnya satu pangkalan data GIS bagi RT Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) secara keseluruhan.

2.5.3 MELAKSANAKAN PENYERAGAMAN DATA

Rekabentuk pangkalan data yang disediakan akan memenuhi piawaian berdasarkan Manual GIS Rancangan Pemajuan Versi 2.0 dari Bahagian Maklumat Gunatanah, PLANMalaysia. Piawaian ini akan memastikan data-data yang dibangunkan seragam dengan data sedia ada disamping memenuhi keperluan dan pengunaan agensi perancang. Selaras dengan itu juga, penyediaan Metadata juga akan disediakan merangkumi dokumen yang menerangkan maklumat data GIS yang telah disediakan termasuk sumber, tarikh, maklumat penyedia dan sebagainya.

Sumber data yang diperolehi datang daripada pelbagai agensi yang kebiasaannya mengunakan unjuran koordinat yang berbeza dan tidak seragam. Keadah transformasi koordinat yang akan dilakukan adalah mengikut ketetapan yang telah dipersetujui oleh pasukan kajian iaitu kepada GDM2000 State Cassini Perak.

Rajah 2.4: Aliran Kerja-Kerja Transformasi Unjuran ke GDM2000 State Cassini Perak



2.6 KAEDAH ANALISIS

Salah satu keupayaan utama Sistem Maklumat Geografi (GIS) adalah keupayaan melaksanakan analisis. Pangkalan data yang lengkap akan menyumbang kepada keberkesanan peranan GIS sebagai *tools* dalam proses membuat keputusan. Ia melibatkan pemanipulasian lapisan data perolehan di dalam pangkalan data. Terdapat dua (2) jenis analisis yang dapat dikategori dari keperluan kajian ini iaitu analisis deskriptif dan preskriptif iaitu analisis menerangkan isu semasa dan analisis menerangkan unjuran atau masa depan. Pembaikan akan dilaksanakan sekiranya dirasakan perlu bagi meningkatkan ketepatan analisis.


Analisis yang dilaksanakan akan melalui proses verifikasi bagi menilai serta menyemak keputusan yang diperolehi agar selari dengan keperluan yang ditetapkan. Proses suntingan analisis akan dilaksanakan sekiranya terdapat kesilapan dalam analisis tersebut. Beberapa teknik akan digunakan dalam menyokong analisis dalam penghasilan Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian).

Berdasarkan data-data yang diperolehi, beberapa analisis telah dijalankan mengikut keperluan sektoral dan kajian. Analisis yang dihasilkan untuk peringkat ini merangkumi:


i. Analisis Ketinggian
ii. Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan
iii. Analisis Tampungan Radius Kemudahan Masyarakat
iv. Analisis Penentuan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

2.6.1 ANALISIS KETINGGIAN

Analisis ketinggian merujuk kepada ketinggian topografi bentuk muka bumi di sesuatu kawasan. Ketinggian yang dimaksudkan ialah garisan kontur untuk mengukur aras ketinggian. Teknik yang diguna pakai dalam analisis ini adalah menggunakan DEM dari sumber *open source*. Penggunaan DEM sebagai asas untuk memperolehi parameter yang akan diolah sebagai analisis ketinggian mengikut kelas ketinggian dan kriteria berdasarkan GP Perancangan Bukit dan Tanah Tinggi, PLANMalaysia. Berikut merupakan carta alir metodologi bagi Analisis Ketinggian.



Rajah 2.5: Model Analisis Ketinggian Daerah Hilir Perak



Rajah 2.5: Pelan Analisis Ketinggian Daerah Hilir Perak

2.6.2 ANALISIS KESEDIAAN DAN KESESUAIAN PEMBANGUNAN

Analisis ini merujuk kepada potensi pembangunan serta kawalan pemeliharaan bagi Daerah Hilir Perak. Teknik yang diguna pakai dalam analisis ini adalah *Multi Criteria Analysis* (MCA). MCA merupakan teknik dalam mentafsir serta menilai pemilihan kriteria yang bersesuaian dalam penghasilan analisis ini. Tujuan utama adalah memastikan perancangan pada masa hadapan mengambil kira potensi kawasan mengikut kesesuaian aktiviti guna tanah. Terdapat tiga kategori telah dikenal pasti yang disokong beberapa kriteria dalam menentukan kawasan berpotensi iaitu:

i. Kategori 1- Kawasan Keutamaan Pembangunan
ii. Kategori 2- Kawasan Yang Boleh Dibangunkan Dengan Syarat
iii. Kategori 3- Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan

Berikut diperincikan kriteria mengikut kategori.

Kategori 1
Ciri-ciri kawasan yang boleh dibangunkan

- *Kawasan berketinggian 0 m - 150 m*
- *Kawasan berkecerunan kurang 12 darjah*
- *Kawasan tepu bina dan komited sedia ada*
- *Tanah milik kerajaan*
- *Zon tepu bina RT Daerah Hilir Perak 2020 yang belum dibangunkan*
- *Tanah pertanian kelas 2 dalam kawasan sempadan bandar dan pekan sedia ada*
- *Tanah pertanian kelas 4 dan 5 di luar jelapang padi*


Kategori 2
Ciri-ciri kawasan yang boleh dibangunkan dengan syarat

- *Tanah pertanian kelas 2 di luar sempadan bandar dan pekan*
- *Tanah rizab Melayu*
- *Kawasan risiko banjir*
- *Jajaran sungai dan sub lembangan serta badan air*

Kategori 3
Ciri-ciri kawasan yang tidak boleh dibangunkan dan perlu dipelihara


- *Kawasan tanaman padi IADA Sungai Manik - Labu Kubong dan Chui Chak*
- *Tanah rizab Orang Asli*
- *Pulau Bangau*

Berikut merupakan carta alir metodologi bagi Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan.




Rajah 2.7: Model Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan

Kategori 1




'Overlay'

Kategori 2




'Overlay'

Kategori 3



'Overlay'




Rajah 2.8: Pelan Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan

2.6.3 ANALISIS TAMPUNGAN RADIUS KEMUDAHAN MASYARAKAT


Analisis ini merujuk kepada tampungan radius untuk kemudahan masyarakat yang merangkumi kemudahan pendidikan, kesihatan, keselamatan dan lain-lain kemudahan awam. Teknik yang diguna pakai dalam analisis ini adalah *'buffer' (proximity)* di mana janaan analisis ini mengambil kira faktor tampungan (jarak) yang melibatkan setiap jenis kemudahan dengan liputan kawasan. Kesemua radius tampungan yang digunakan berdasarkan GP Kemudahan Masyarakat 2013. Tujuan utama adalah memastikan perancangan kemudahan pada masa hadapan mengambil kira potensi kawasan serta radius tampungan di kawasan sekitar agar penduduk dapat menerima perkhidmatan yang disediakan.



Rajah 2.9: Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Pendidikan




Rajah 2.10: Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Kesihatan




Rajah 2.11: Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Keselamatan




Rajah 2.12: Model Analisis Tapungan Radius Kemudahan Awam




Rajah 2.13: Radius Tampungan Kemudahan Pendidikan



Rajah 2.14: Radius Tampungan Kemudahan Kesihatan



Rajah 2.15: Radius Tampungan Kemudahan Keselamatan



Rajah 2.16: Radius Tampungan Lain-Lain Kemudahan Awam

2.6.4 ANALISIS KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

Analisis ini merujuk kepada keperluan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) serta potensi bagi kawalan pemeliharaan alam sekitar bagi Daerah Hilir Perak. Teknik yang diguna pakai dalam analisis ini adalah *Multi Criteria Analysis* (MCA). MCA merupakan teknik dalam mentafsir serta menilai pemilihan kriteria yang bersesuaian dalam penghasilan analisis ini. Tujuan utama adalah memastikan perancangan pada masa hadapan mengambil kira kawasan yang dikenal pasti sebagai KSAS mengikut kesesuaian aktiviti guna tanah. Terdapat tiga kategori telah dikenal pasti yang disokong beberapa kriteria dalam menentukan kawasan berpotensi iaitu:

i. KSAS Tahap 1- Kawasan Perlindungan Sepenuhnya
ii. KSAS Tahap 2- Kawasan Pembangunan Terhad
iii. KSAS Tahap 3- Kawasan Pembangunan Terkawal

